

PERANAN PELAJARAN DALAM MEWUJUDKAN
KEHARMONIAN DAN INTEGRASI DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR BERBAGAI KAUM
(Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan
Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya)

OLEH:

MAH WAI LENG
(No. Matrik: 46559)

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1986/87

SINOPSIS

Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dikemaskinikan tiap-tiap tahun untuk memastikan pencapaian ataupun sekurang-kurangnya mempercepatkan proses perpaduan di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum. Proses ini memakan masa yang panjang untuk memperlihatkan hasil-hasil kejayaan perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kerana pelajar-pelajar datang dari latarbelakang berbeza serta mempunyai sikap dan pandangan yang berlainan terhadap strategi-strategi yang telah diambil dalam perlaksanaan Dasar Pelajaran Negara.

Bab Pertama memberikan pengenalan tentang latarbelakang dan tujuan kajian yang dapat memberikan gambaran mengenai pengkajian ini sebenarnya.

Bab Kedua pula diutarakan berbagai konsep dan teori yang berhubung dengan peranan pelajaran dalam strategi negara. Berikutan dari itu, diterangkan juga tentang ukuran-ukuran integrasi dan interaksi yang telah digunakan dalam kajian ini.

Dalam Bab Ketiga dibincangkan mengenai sejarah perkembangan sistem pelajaran di negara ini bermula dari zaman penjajahan Inggeris hingga ke hari ini. Di samping itu, diberi pula suatu gambaran ringkas tentang kurikulum pendidikan di Malaysia.

Bab Keempat memberikan analisis bahagian pertama kajian ini iaitu, mengenai pola interaksi pelajar-pelajar berbagai kaum serta perkaitan di antara pola interaksi mereka dengan toleransi

sosial terhadap pelajar-pelajar dari kumpulan etnik lain. Selain daripada itu, dikaji juga pengaruh faktor-faktor latarbelakang atas pola interaksi semasa pelajar-pelajar.

Bab Kelima adalah mengenai keberkesanan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam mengintegrasikan pelajar-pelajar. Bersabit dengan ini, peranan Bahasa Malaysia, Sivik serta aktiviti-aktiviti ko-kurikulum telah dikaji. Bab ini melihat juga sejauh manakah identifikasi pelajar-pelajar sebagai warganegara-warganegara Malaysia.

Dalam Bab Keenam iaitu, bab terakhir, pengkaji memberikan kesimpulan keseluruhan penulisan dan beberapa cadangan berdasarkan kajian yang telah dijalankan.

ACKNOWLEDGEMENTS

I regret to say that it is impossible to acknowledge all the help and advice that I have received while compiling this thesis. There are, however, a few people whom I am greatly indebted to for their invaluable assistance.

First, my love and thanks to Mum and Dad for enduring all the "late night typing" and "messy paperwork" during the making of my thesis.

Thanks too, to my supervisor, Dr Mohd Nor Nawawi, of the Anthropology and Sociology Department, for his invaluable guidance and advice at every stage of my thesis.

More specific thanks go to Mr Cheong Chee Leong of Jen Studio for his absolute support and helpful assistance during the initial stage of my thesis.

Special thanks to the Sixth Form teachers of SAS, especially Mr Joseph Pereira for arranging my field survey. The cooperation shown from all the participating Sixth Formers is gratefully acknowledged too.

Much appreciation is also directed to Kak Salmiah for her excellent typing efforts.

And last but not least, my deepest gratitude to all those who have made my varsity life so educational and cherisable.

DAFTAR KANDUNGAN

MUKA SURAT

SINOPSIS	...	...	...	...	...	i
PENGHARGAAN	...	...	...	...	...	iii
DAFTAR KANDUNGAN	...	...	...	...	...	iv
SENARAI JADUAL	...	...	...	...	...	vii

BAB I : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	...	...	...	1
1.2	Objektif Kajian	...	...	...	2
1.3	Kepentingan Kajian	...	...	...	3
1.4	Kaedah Penyelidikan	...	...	...	5
1.5	Kumpulan Sasaran	...	...	...	7
1.6	Beberapa Langkah Yang Diambil Sebelum Mengendalikan Kerja Luar Di Sekolah	...	...	...	11
1.7	Masalah Semasa Kajian Dijalankan	...	...	...	

BAB II : KONSEP, TEORI, UKURAN-UKURAN INTERAKSI DAN INTEGRASI

2.1	Konsep Pelajaran	...	...	...	14
2.2	Konsep Ras	...	...	...	17
2.3	Konsep Etnik	...	...	...	23
2.4	Konsep Hubungan Ras	...	...	...	26
2.5	Teori Integrasi	...	...	...	27
2.6	Teori Interaksi	...	...	...	34
2.7	Ukuran-ukuran untuk Integrasi dan Interaksi	...	...	...	37
2.7.1	Interaksi	...	...	...	37

2.7.2	Integrasi Dan Perhubungan 'Causal' Antara Interaksi Dan Integrasi	...	...	39
-------	---	-----	-----	----

BAB III : SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN

3.1	Pengenalan	...	...	41
3.2	Sejarah Perkembangan Sistem Pelajaran Negara	...	...	42
3.3	Kurikulum Pendidikan Di Malaysia	...		53

BAB IV : POLA INTERAKSI, TOLERANSI SOSIAL DAN PERHUBUNGAN 'CAUSAL' ANTARA INTEGRASI-INTERAKSI DI KALANGAN RESPONDEN-RESPONDEN

4.1	Pola Interaksi Para Responden	...		54
4.2	Pola Interaksi Dan Toleransi Sosial Para Responden	...	...	57
4.3	Hubung-kait Faktor-faktor Latarbelakang Dengan Pola Interaksi Para Responden			65
4.3.1	Pengalaman 'Interracial' Lampau			66
4.3.2	Jangkamasa Pengalaman 'Interracial' Lampau	...		70
4.3.3	Status Sosio-Ekonomi Responden			76
4.4	Kesimpulan	...	...	82

BAB V : SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN DAN INTEGRASI: SUATU PENELITIAN EMPIRIS BERDASARKAN REAKSI RESPONDEN-RESPONDEN

5.1	Peranan Bahasa Malaysia	...	...	84
5.1.1	Keutamaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Komunikasi Di Kalangan Responden-Responden			85
5.1.2	Pencapaian Responden-Responden Dalam Matapelajaran Bahasa Malaysia Di Peringkat SPM.			89

5.1.3	Pendapat Responden-Responden Tentang Penggunaan Bahasa Malaysia Secara Wajib Dalam Pertuturan Harian Murid-Murid Sekolah.	91
5.2	Peranan Sivik	93
5.2.1	Apa Yang Responden-Responden Telah Mempelajari Dari Kelas-Kelas Sivik Lampau ...	94
5.2.2	Pendapat Responden-Responden Tentang Pandangan-Pandangan Negatif Yang Dikait Dengan Sivik ...	95
5.2.3	Cadangan-cadangan untuk Memperbaiki Mutu Pelajaran Sivik ...	98
5.2.4	Beberapa Syor Yang DiBeri Untuk Menjadikan Sivik Sepenting Matapelajaran-matapelajaran lain	99
5.2.5	Reaksi Para Responden Atas Cadangan Untuk Mewajibkan Sivik Dalam Sukatan Peperiksaan	99
5.2.6	Pengetahuan Responden-Responden Tentang Simbol-simbol Negara Dan Kerajaan.	101
5.3	Peranan Aktiviti Ko-Kurikulum ...	105
5.3.1	Penyertaan Para Responden Dalam Aktiviti Ko-Kurikulum	107
5.3.2	Aktiviti Ko-Kurikulum Dan Integrasi Pelajar-Pelajar	110
5.3.3	Jenis Aktiviti-Aktiviti Persatuan/Kelab Yang Jelas Menunjukkan Kerjasama Antara Mereka Dari Kaum-Kaum Lain.	113
5.4	Pilihan Nasional Atau Identiti Etnik Para Responden	115

BAB VI : KESIMPULAN

6.1 Bahasa Malaysia	119
6.2 Pendidikan Sivik	120
6.3 Aktiviti Ko-Kurikulum	121
BIBLIOGRAFI	124
LAMPIRAN SURAT-SURAT KEBENARAN	
LAMPIRAN JADUAL	
LAMPIRAN SOAL-SELIDIK	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	:	Pembahagian Responden-Responden Mengikut Aliran Pelajaran Dan Kumpulan Etnik.	9
Jadual 1.2	:	Pembahagian Responden-Responden Tingkatan Enam Bawah Mengikut Kumpulan Etnik.	9
Jadual 4.1	:	Peringkat-Peringkat Interaksi Responden-Responden Melayu Dengan Kawan-Kawan Melayu Dan India.	54
Jadual 4.2	:	Peringkat-Peringkat Interaksi Responden-Responden Cina Dengan Kawan-Kawan Melayu Dan India.	55
Jadual 4.3	:	Peringkat-Peringkat Interaksi Responden-Responden India Dengan Kawan-Kawan Melayu Dan Cina.	56
Jadual 4.4	:	Jumlah kesudian Para Interaktor Melayu Sederhana Dan Rendah Untuk Berhubung/Bekerjasama Dengan Kaum-Kaum Lain Dalam Hubungan-Hubungan Sosial Di Atas.	58
Jadual 4.5	:	Jumlah Kesudian Para Interaktor Cina Sederhana Dan Rendah Untuk Berhubung/Bekerjasama Dengan Kaum-Kaum Lain Dalam Hubungan-Hubungan Sosial Di Atas.	60
Jadual 4.6	:	Jumlah Kesudian Para Interaktor India Tinggi Dan Sederhana Untuk Berhubung/Bekerjasama Dengan Kaum-Kaum Lain Dalam Hubungan Sosial Di Atas.	62
Jadual 4.7	:	Pengalaman Bermain Dengan Kawan-Kawan Kaum Lain Semasa Kanak-Kanak Di Kalangan Interaktor-Interaktor Melayu Sederhana Dan Rendah.	66
Jadual 4.8	:	Aliran Persekolahan Rendah Interaktor-Interaktor Melayu Sederhana Dan Rendah.	67

Jadual 4.9	:	Pengalaman Bermain Dengan Kawan-Kawan Lain Semasa Kanak-Kanak Di Kalangan Interaktor-Interaktor Cina Sederhana Dan Rendah.	67
Jadual 4.10	:	Aliran Persekolahan Rendah Interaktor-Interaktor Cina Sederhana Dan Rendah.	68
Jadual 4.11	:	Pengalaman Bermain Dengan Kawan-Kawan Kaum Lain Semasa Kanak-Kanak Di Kalangan Interaktor-Interaktor India Tinggi Dan Sederhana.	69
Jadual 4.12	:	Aliran Persekolahan Rendah Interaktor-Interaktor India Tinggi Dan Sederhana.	69
Jadual 4.13	:	Jangkamasa Penempatan Responden-Responden Melayu Dalam Jiran Perkampungan Pelbagai Ras.	71
Jadual 4.14	:	Tempuh Masa Kehadiran Responden-Responden Melayu Dalam Sekolah Rendah.	72
Jadual 4.15	:	Jangkamasa Penempatan Responden-Responden Cina Dalam Jiran Perkampungan Yang Pelbagai Ras.	73
Jadual 4.16	:	Tempuh Masa Kehadiran Responden-Responden Cina Dalam Sekolah Rendah	74
Jadual 4.17	:	Jangkamasa Penempatan Responden-Responden India Dalam Jiran Perkampungan Pelbagai Ras.	75
Jadual 4.18	:	Status Sosio-Ekonomi Interaktor-Interaktor Melayu Sederhana Dan Rendah.	78
Jadual 4.19	:	Status Sosio-Ekonomi Interaktor-Interaktor Cina Sederhana Dan Rendah.	79
Jadual 5.1	:	Tiga Jenis Bahasa/Loghat Yang Sering Digunakan Oleh Responden-Responden Di Sekolah.	86
Jadual 5.2	:	Peratusan Terbesar Responden-Responden Yang Memilih Bahasa/Loghat Tertentu Sebagai Bahasa Komunikasi Mereka Yang Pertama, Kedua Dan Ketiga Pentingnya Di Sekolah.	87

Jadual 5.3	:	Keputusan Bahasa Malaysia Responden-Responden Di Peringkat SPM.	90
Jadual 5.4	:	Reaksi Responden-Responden Terhadap Cadangan Untuk Mewajibkan Penggunaan Bahasa Malaysia Dalam Pertuturan Harian Di Sekolah.	92
Jadual 5.5	:	Sebab-Sebab Kenapa Sivik Sering Dikatakan 'Tidak Berguna' Dan 'Membosankan'.	96
Jadual 5.6	:	Reaksi Responden-Responden Kepada Cadangan Untuk Memasukkan Sivik Dalam Sukatan Peperiksaan.	100
Jadual 5.7	:	Jumlah Responden-Responden Yang Memberi Jawapan Betul Kepada Soalan Mengenai Bilangan Jalur Dalam Bendera Malaysia.	102
Jadual 5.8	:	Bilangan Responden-Responden Yang Memberi Jawapan Betul Kepada Soalan Mengenai Tiga Komponen Utama Dalam Parlimen Malaysia.	103
Jadual 5.9	:	Bilangan Responden-Responden Yang Memberi Jawapan Betul Kepada Soalan Mengenai Nama Yang DiPertuan Agong	104
Jadual 5.10	:	Jumlah Kegiatan Ko-Kurikulum Yang Disertai Oleh Tiap-Tiap Responden.	107
Jadual 5.11	:	Bilangan Penyertaan Responden- Responden Dalam Kegiatan-Kegiatan Ko-Kurikulum Yang Tertentu.	109
Jadual 5.12	:	Jawapan-Jawapan Para Responden Terhadap Soalan Samada Aktiviti Ko-Kurikulum Dapat Mengintegrasikan Pelajar-Pelajar Berbagai Kaum.	111
Jadual 5.13	:	Alasan-Alasan Yang Diberi Oleh Responden-Responden Yang Tidak Setuju Akan Peranan Ko-Kurikulum Dalam Mengintegrasikan Pelajar- Pelajar Berbagai Kaum.	112

Jadual 5.14	:	Jenis Aktiviti-Aktiviti Yang Diadakan Oleh Persatuan/Kelab Yang Jelas Menunjukkan Koperasi Di Antara Ahli-Ahli Pelbagai Kaum	114
Jadual 5.15	:	Panggilan-Panggilan Yang Lebih Suka DiPakai Oleh Para Responden Apabila Mereka Di Beri Peluang Untuk Pilih.	115

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Zaman penjajahan Inggeris telah meninggalkan suatu bentuk masyarakat yang dikenali sebagai masyarakat majmuk yang mengandungi 53.1% kaum Melayu, 35.5% Cina, 10.6% India dan 0.08% lain-lain (Berita Harian, 9hb Sept 1984: 8). Ketiga-tiga kumpulan etnik yang besar, iaitu Melayu, Cina dan India adalah berbeza di antara satu sama lain dari segi bahasa, agama, budaya, pekerjaan serta persepsi-persepsi tentang kedudukan mereka di Malaysia. Sifat mementingkan kaum sendiri telah menyebabkan persaingan yang sering di antara ketiga-tiga kumpulan ini.

Selepas kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957, wujud pula satu senarai panjang perbalahan kaum di antara Melayu dengan Cina. Perbalahan-perbalahan ini tidak mendapat perhatian kerajaan sehingga peristiwa 13hb Mei 1967. Rusuhan kaum telah berlaku dalam mana pengorbanan nyawa yang banyak telah terlibat. Sejarah hitam ini telah menimbulkan kesedaran dari kalangan orang ramai tentang seriusnya masalah perkauman. Oleh kerana masalah perkauman telah berakar umbi sejak zaman penjajahan Inggeris, maka masalah ini sukar untuk diselesaikan dalam suatu jangkamasa yang pendek.

Perpaduan nasional melibatkan proses membawa bersama kelompok-kelompok manusia dari berbagai-bagai kaum, etnik dan agama. Terdapat banyak cara yang boleh digunakan untuk menyatupadukan masyarakat yang berbelah bagi serta membangunkan ke taraf yang progresif, harmonis dan bersefahaman. Cara yang dipercayai paling berkesan ialah melalui proses pelajaran.

Dalam proses ini murid-murid dapat mempelajari dengan lebih luas mengenai negara mereka dan kaum-kaum lain. Mereka dapat mengenali dengan lebihnya antara satu sama lain di samping mempelajari menghormati sesama diri tanpa mengira latarbelakang kaum.

Kerajaan Malaysia mempunyai penuh harapan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan boleh mewujudkan perpaduan nasional. Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan beberapa strategi yang telah dikendalikan di peringkat persekolahan rendah, menengah dan pendidikan perguruan di maktab seperti satu sistem pendidikan, kurikulum yang sama serta peruntukkan masa yang sama banyak.

1.2 Objektif Kajian

Objektif terpenting kajian ini ialah mengkaji peranan pelajaran dalam mewujudkan integrasi di kalangan pelajar-pelajar. Dua aspek utama dalam pelajaran akan dikaji, iaitu aspek kurikulum dan ko-kurikulum. Ini akan dilakukan dengan:

- (i) Melihat sejauhmanakah kurikulum yang telah disediakan dalam Dasar Pelajaran Negara berkesan dalam transmisi

ideologi, nilai-nilai dan norma masyarakat yang perlu untuk menunjukan para pelajar ke arah perpaduan dan kehidupan berharmoni. Dua matapelajaran yang dianggap penting dalam memainkan peranan ini ialah Sivik dan Bahasa Malaysia.

- (ii) melihat penglibatan para responden dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan sama ada aktiviti-aktiviti ini dapat melahirkan suasana 'esprit de corps'.

(B) Objektif kedua yang penting ialah:

- (i) mengkaji interaksi di kalangan responden yang dikaji.
- (ii) melihat sama ada pola interaksi mempengaruhi toleransi sosial responden-responden terhadap kaum-kaum tertentu.
- (iii) membuktikan sama ada faktor-faktor latarbelakang dapat mempengaruhi pola interaksi semasa responden-responden. Dalam bahagian ini, pengkaji sebenarnya melihat perhubungan 'causal' di antara integrasi awal dengan interaksi semasa.

(C) Mencadangkan beberapa cara yang boleh mempercepatkan lagi pencapaian integrasi di kalangan pelajar-pelajar melalui formula-formula yang telah disediakan dalam Dasar Pelajaran Negara.

1.3 Kepentingan Kajian

Banyak telah diperkatakan tentang peranan pelajaran sebagai alat utama dalam pencapaian stabiliti sesuatu masyarakat majmuk. Berdasarkan kepada pandangan ini, maka tidak hairanlah bahawa polisi pelajaran kebangsaan kita adalah dirumuskan dengan perpaduan nasional sebagai objektif pentingnya.

Kerajaan Malaysia telah mengandaikan dengan adanya satu sistem pelajaran yang homogeneous maka, persepsi yang sama akan dilahirkan di kalangan rakyat Malaysia. Melalui kurikulum yang sama, ciri-ciri afektif seperti emosi, sentimen, sikap dan nilai individu-individu akan dibentuk supaya terdapat kesedaran di kalangan mereka sebagai rakyat Malaysia yang sanggup mengenepikan unsur-unsur perkauman, keturunan dan kedaerahan.

Agak banyak tulisan-tulisan akademik dan latihan ilmiah yang bersabit dengan peranan pelajaran dalam integrasi nasional. Kesimpulan yang didapati daripada tulisan-tulisan ini ialah terdapatnya halangan-halangan yang telah melambatkan proses perpaduan negara melalui Dasar Pelajaran Negara. Faktor penghalang yang utama ialah wujudnya fenomena pertandingan (competition) di kalangan pelajar-pelajar. Sekolah-sekolah tidak lagi menjadi ejen positif dalam mensosialisasikan murid-murid tetapi sebaliknya, telah bertukar menjadi seperti pusat-pusat tusyen di mana penuntut-penuntut adalah di 'drilled' untuk mendapat seberapa banyak 'A' yang mungkin.

Pelajaran tidak sepatutnya hanya terbatas kepada keempat-empat bilik darjah saja. Murid-murid seharusnya digalakkan untuk mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. kegiatan-kegiatan ini tidak saja memupuk perasaan 'esprit de corps' di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum, malahan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang berwibawa.

Banyak juga telah diperkatakan tentang peranan Sivik dan Bahasa Malaysia dalam memupuk kesedaran sivik dan mengurangkan jurang komunikasi di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum. Namun, berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibuat, kesimpulan yang didapati tentang peranan Sivik dan Bahasa Malaysia adalah tidak menggalakkan.

Kerajaan Malaysia mesti memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan Dasar Pelajaran Negara berdasarkan kepada penerangan kajian yang ada supaya nilai-nilai yang sesuai dapat disemai dalam masyarakat dari generasi-generasi.

1.4 Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan Perpustakaan

Langkah seterusnya yang mesti dijalankan oleh pengkaji selepas penetapan tajuk kajian ialah menjalankan penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini melibatkan pembacaan hasil-hasil tulisan yang bersabit dengan bidang kajian yang hendak dikaji. Tujuan-tujuan kaedah ini ialah:-

- (i) untuk mendapat gambaran yang lebih jelas perihal masalah kajian serta perkara-perkara yang berkait dengannya.
- (ii) memberi panduan kepada pengkaji untuk mengubah soal selidik.

Terdapat banyak tulisan-tulisan yang telah dihasil oleh para akademik tempatan yang bersabit dengan soal perpaduan nasional dan pelajaran seperti dalam buku, latihan ilmiah (sama ada diterbitkan atau tidak) ataupun menjadi topik perbincangan di masa seminar-seminar

seperti Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan.

Soal Selidik

Soal selidik dibentuk sebegitu rupa agar responden merasa selesa dan boleh mengingati semula perkara-perkara yang telah berlaku di masa lampau. Faedahnya termasuk kerja pengumpulan data yang cepat, pemprosesan data dengan senang serta perbandingan di antara jawapan-jawapan para responden boleh dilakukan dengan cepatnya kerana semua soalan-soalan dalam soal selidik mereka adalah sama. Tambahan pula, ia menjimatkan masa. Semasa menjalankan kerja luar, pengkaji hanya menggunakan satu hari saja.

(i) Soal Selidik Terbuka

Responden bebas memilih bentuk dan panjang jawapan yang hendak diberi. Sungguhpun kaedah ini melibatkan pemprosesan data yang agak sukar, namun ia adalah perlu untuk mendapat buah fikiran responden mengenai isu-isu yang tertentu ataupun sebab-sebab kenapa responden mengambil sesuatu tindakan.

(ii) Soal Selidik Tertutup

Dalam kaedah ini, pengkaji akan memberi beberapa jawapan alternatif kepada responden untuk dipilih.

Data Sekunder

Oleh kerana soal peranan pelajaran dan integrasi adalah merupakan fenomena semasa, maka terdapat berbagai-bagai sumber sekunder seperti majalah, jurnal, keratan akhbar atau buku-buku lapuran dari Kementerian Pelajaran. Sumber-sumber ini penting untuk menyokong fakta-fakta kajian.

1.5 Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran yang dipilih adalah murid-murid dari tingkatan enam bawah di Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-laki Sultan Abdul Samad, Seksyen 12, Petaling Jaya. Mereka dipilih dari kumpulan-kumpulan pelajar tingkatan lain atas alasan-alasan:-

- (i) murid-murid tingkatan enam bawah diandai sudah mencapai taraf kematangan yang agak tinggi dari segi pemikiran. Jawapan-jawapan yang diberi oleh mereka akan dianggap sebagai boleh dipercayai.
- (ii) mereka mempunyai pendedahan (exposure) yang agak lama terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain sejak di bangku sekolah rendah lagi. Mereka boleh merujuk kepada pengalaman-pengalaman mereka semasa menjawab soalan-soalan.

Pemilihan Responden

Dalam proses pemilihan responden-responden, pengkaji telah mengambil kira dua fakta penting iaitu:-

(i) Kumpulan Etnik

Kerana tajuk kajian adalah berhubung langsung dengan soal kumpulan etnik, maka responden-responden yang dipilih mestilah menganggotai tiga kumpulan etnik besar di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Untuk menyenangkan pemprosesan data, pengkaji telah menggolongkan kumpulan minoriti Benggali, Punjabi dan Ceylonese ke dalam kumpulan etnik India.

(ii) Aliran Pelajaran

Aliran pelajaran diambilkira dalam proses pemilihan responden-responden untuk mendapat taburan sampel kajian yang sama rata daripada kedua-dua aliran pelajaran Sains dan Sastera.

Sekolah Sultan Abdul Samad mempunyai lima kelas tingkatan enam bawah dengan anggaran purata 35 pelajar-pelajar bagi tiap-tiap kelas. Dari kelima-lima kelas itu, tiga daripadanya adalah dalam aliran Sains manakala dua yang lain adalah aliran Sastera.

Saiz sampel kajian yang dipilih adalah 60 pelajar-pelajar dari mana 40(60%) orang adalah dari aliran Sains sedangkan 20(40%) orang pula diambil dari aliran Sastera. Ini adalah kerana penuntut-penuntut Sains melebihi penuntut-penuntut Sastera.

Dari kelas-kelas Sains, anggaran nisbah keseluruhan penuntut-penuntut Melayu, Cina dan India ialah 1:3:1. Ini bermakna pelajar-pelajar Cina adalah tiga kali lebih daripada pelajar-pelajar Melayu dan India. Manakala dalam dua kelas sastera itu, anggaran nisbah keseluruhan

penuntut-pemuntut Melayu, Cina dan India adalah 4:5:2.

Jadual 1.1 : Pembahagian Responden-Responden Mengikut Aliran Pelajaran Dan Kumpulan Etnik

Pembahagian Responden-Responden Mengikut Kumpulan Etnik	Aliran Pelajaran	
	Sains	Sastera
Melayu	8 (12%)	8 (16%)
Cina	24 (36%)	10 (20%)
India	8 (12%)	2 (4%)
Jumlah	40 (60%)	20 (40%)

Jadual 1.2 : Pembahagian Responden-Responden Tingkatan Enam Bawah Mengikut Kumpulan Etnik

Kumpulan-Kumpulan Etnik	N=60	100%
Melayu	16	28
Cina	34	56
India	10	16

Sampel kajian telah dipilih secara bebas dalam tiap-tiap kelas pada hari kerja luar pengkaji.

Daripada sampel kajian yang telah diambil, didapati hanya seorang responden saja yang berketurunan ras campuran, iaitu kaum Melayu sebelah bapa dan kaum Filipina Cina sebelah ibu. Pengkaji telah menggolongkannya ke dalam kumpulan Melayu.

Latarbelakang Sekolah

Asal usul Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sultan Abdul Samad (SAS) bermula sejak 1963. Pada masa itu, SAS lebih dikenali sebagai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Dalam tahun pertama penubuhan sekolah ini, ia hanya mengandungi satu kelas Tingkatan 2 dan sepuluh kelas Tingkatan 1 saja. Encik M.A.H Wyatt telah dilantik sebagai gurubesarnya yang pertama. Hijau menjadi warna resmi sekolah tersebut manakala lencana sekolah yang pertama telah direka.

Dalam bulan Mei 1971, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan telah dibuka secara resmi oleh Datuk Hussein Onn dengan nama barunya, Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad. Lencana yang ada sekarang telah direka sempena pembukaan resmi itu.

Tahun 1974 merupakan detik penting dalam sejarah perkembangan SAS ekoran dari pencapaian cemerlangnya dalam peperiksaan SPM. Tiga buah kelas Tingkatan Enam Sains Bawah dan dua kelas Tingkatan Enam Bawah dan Atas telah ditubuhkan.

Jumlah kelas Tingkatan Enam telah dikembangkan hingga sepuluh kelas sekarang. SAS terkenal dalam daerah Petaling Jaya kerana pencapaian cemerlangnya dalam sukan umpamanya olahraga, ragbi dan kriket di peringkat Majlis Sukan-Sukan Sekolah-Sekolah Selangor.

1.6 Beberapa Langkah Yang Diambil Sebelum Mengendalikan
Kerja Luar Di Sekolah

- (i) memperoleh kebenaran dari Kementerian Pelajaran khususnya dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (BPPP) terlebih dahulu. Ini bertujuan untuk memastikan supaya kajian dan penyelidikan itu tidak menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan imej negara di bidang pelajaran.

BPPP juga tidak membenarkan pengkaji menjalankan kajian yang melibatkan pelajar-pelajar dari tiga kelas peperiksaan penting, iaitu Tingkatan 3, 5 dan 6 Atas.

- (ii) Proses untuk mendapatkan kebenaran dari Kementerian Pelajaran termasuklah penyerahan cadangan penyelidikan, satu salinan contoh sampel, satu set soal selidik dan tiga borang permohonan BPPP.

Dokumen-dokumen itu terutamanya soal selidik ditapis oleh BPPP agar memastikan pengkaji supaya tidak menanyakan soalan-soalan yang sensitif yang boleh menimbulkan reaksi negatif dari pihak responden. Kebenaran dari BPPP untuk mengendalikan penyelidikan di sekolah akan datang dalam bentuk surat. (Lihat Lampiran A).

- (iii) Ekoran dari itu, pengkaji mesti pula mendapat kebenaran dari Jabatan Pelajaran supaya dapat menjalankan kajian di sekolah yang telah dipilih. Pengkaji mesti menyerahkan satu salinan sampel kajian serta memberikan alasan-alasan kenapa sesuatu sekolah itu dipilih. Tandatangan kebenaran yang didapati oleh pengkaji dari Jabatan Pelajaran Negeri Selangor untuk menjalankan kajian di SAS adalah ditunjukkan dalam Lampiran B.

- (iv) Lepas itu, pengkaji dibenarkan berhubung dengan guru besar sekolah berkenaan. Gurubesar SAS telah meminta dari pengkaji satu set soal selidik, surat-surat kebenaran dari pihak Universiti, BPPP dan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.

1.7 Masalah-Masalah Semasa Kajian Dijalankan

- (i) keadaan kelas-kelas terapung (floating classes) telah menimbulkan masalah kepada pengkaji untuk bertemu dengan responden-responden. Namun demikian, ini tidak merupakan halangan besar kerana pengkaji telah mendapatkan jadual waktu bagi tiap-tiap kelas dari kelima-lima guru Tingkatan Enam Bawah.
- (ii) pengkaji tidak ada masalah mendapatkan masa yang sesuai untuk menemuramah responden-responden Sains kerana terdapat banyak masa lapang (free period) dalam jadual-jadual waktu mereka. Pada mulanya, pengkaji menghadapi masalah mencari suatu masa yang sesuai untuk responden-responden Sastera kerana tidak ada masa lapang dalam jadual waktu mereka. Walau bagaimanapun, pengkaji bernasib baik kerana seorang guru yang mengajar matapelajaran Ekonomi kepada dua kelas Sastera itu pada masa yang sama telah membenarkan pengkaji menggunakan 45 minit dari masa mengajarnya untuk mengendalikan interbiu itu.
- (iii) satu soalan yang sering dikemukakan oleh responden-responden semasa mengisi soal selidik ialah maksud perkataan 'ras'. Ada pula satu responden yang memberitahu pengkaji bahawa perkataan 'ras' bukanlah merupakan perkataan Bahasa Malaysia yang tulen.

Pada keseluruhannya, pengkaji tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan kerjasama dari para responden. Ini adalah kerana pelajar-pelajar telah terlebih dahulu diberitahu oleh pihak guru mereka tentang penyelidikan ini.

Pengkaji juga tidak ada banyak masalah dalam mendapat kefahaman responden-responden mengenai soal selidik kerana kebanyakan daripada soalan-soalan adalah digubah dalam bahasa yang senang. Jawapan-jawapan yang didapati daripada para responden adalah memuaskan dan menepati dengan kehendak-kehendak pengkaji. Maka di sini, pengkaji tidak perlu untuk 'double-check' jawapan-jawapan mereka.

BAB II

KONSEP, TEORI, UKURAN-UKURAN INTERAKSI DAN INTEGRASI

2.1 Konsep Pelajaran

Pelajaran adalah merupakan satu konsep yang amat hampir dan biasa digunakan secara 'inter-changeably' dengan pendidikan. Tetapi jika diteliti dari segi etimologi, kedua-dua konsep pendidikan dan pelajaran membawa erti yang berbeza.

Pendidikan pada dasarnya memberi maksud membentuk manusia dengan ilmu dan kaedah yang baik supaya sesuai melahirkan manusia yang sempurna, berakhlak, berpengetahuan, berpendirian dan berdikari. Pelajaran dalam ertikata yang sebenarnya pula merupakan satu proses yang mengubahkan daripada keadaan tidak tahu kepada tahu. Pelajaran boleh dikatakan satu lapisan luar saja dari proses pendidikan.

Terdapat berbagai-bagai definasi mengenai pelajaran dan pendidikan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidikan serta pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian mengenai pendidikan bagi mengenalpasti bidang dan masalah pokok dalam pengurusan pendidikan. Ini adalah kerana pelajaran dan pendidikan memainkan peranan yang sangat penting tidak saja dalam mengekalkan kewujudan masyarakat dengan cara menyampaikan warisan kebudayaan dari satu generasi ke satu generasi yang lain, tetapi juga dalam pembangunan ekonominya.

Pendidikan terdapat di dalam semua bentuk dan keadaan masyarakat tidak kira di zaman batu atau zaman yang serba kini yang maju. Hanya yang berbeza adalah kaedah serta kemajuannya.

Hubungan di antara kedua-dua konsep pelajaran dan pendidikan lebih jelas diterangkan oleh J.A Laska dan Aziz Mohd Tom.

"Education (or the educative process) is the deliberate attempt by the learner or by someone else to control (or guide, direct, influence, manage) a learning situation in order to bring about the attainment of a desired learning outcome or goal".
(Laska, J, 1979: 3)

Merujuk kepada definasi pendidikan di atas, penegasan telah diberi pada elemen-elemen kawalan dan tujuan. Kawalan sengaja (deliberate control) itu bermula apabila seseorang itu menyedari kelebihan-kelebihan yang dapat diperolehi 'by guiding a particular learning situation' (Laska, J, 1979: 4).

Pendidikan adalah dibekalkan oleh banyak agensi-agensi seperti keluarga, gereja, media massa, perpustakaan dan kerajaan. Pelajaran yang diperolehi dari sistem persekolahan adalah merupakan satu daripada beberapa cara pendidikan formal dalam masyarakat.

Aziz Mohd Tom (1981: 2) pula berhujah bahawa konsep pendidikan adalah sebagai satu institusi di mana berlaku proses penurunan ilmu pengetahuan dan hikmah-hikmah dalam penghidupan manusia dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Ilmu pengetahuan dan hikmah-hikmah yang di-

perturunkan melalui berbagai-bagai cara dalam masyarakat bergantung kepada tingkat kebudayaan masing-masing.

Bagi masyarakat simple, pendidikan biasanya diperturunkan melalui prantisan. Tanggungjawab pelajaran terbeban kepada ibubapa atau penjaga dan berciri kekeluargaan. Bila masyarakat bertambah kompleks dan penghidupan beransur-ansur dipengaruhi oleh pengkhususan, tanggungjawab pendidikan beralih menjadi beban masyarakat sungguhpun unsur-unsur kepentingan kekeluargaan tidak diabaikan. Maka, di sinilah mula-nya pertumbuhan berbagai-bagai institusi-institusi pendidikan yang berubah secara evolusi dari masa ke masa ikut perkembangan sosial. Akhirnya, pendidikan didapati melalui satu institusi pendidikan yang formal iaitu sekolah di mana konsep pelajaran telah muncul.

Objektif terpenting pendidikan ialah memindahkan segala pengalaman-pengalaman tamaddun yang telah dibangunkan oleh generasi-generasi dulu ke generasi-generasi baru kerana pembelajaran sedemikian tidak boleh dipindahkan secara biologi. Pemindahan budaya sesuatu kumpulan akan :

"awaken and unculcate a sense of indentity and a feeling of group loyalty so as to be accepted as a member of the group". (Ibrahim Saad, 1979: 38)

Disebabkan pendidikan merupakan fungsi penting dalam sesuatu masyarakat, maka manusia tidak sanggup membenarkan segala pembelajaran itu berlaku secara kebetulan. Key (dalam Ibrahim Saad, 1979: 38) mengatakan bahawa pendidikan merupakan :

"an institution that enjoys the repute for influence held by schools would scarcely be expected to be permitted by those dominant in the political order to roam freely".

Ini merujuk terutamanya di negara-negara industri di mana sekolah-sekolah adalah lebih berkait dengan tujuan-tujuan politik.

Menurut Key lagi (dalam Ibrahim Saad, 1979: 38) :

"all national education systems indoctrinate the oncoming generation with outlook and values of political order".

Peranan ini amat penting dalam konteks Malaysia. Malaysia, jika ingin terus merdeka harus menentukan bahawa semangat nasionalisme diresapi dalam pemikiran dan juga generasi baru. Pelajaranlah yang akan menjamin bahawa generasi baru yang mengecapi kemakmuran pembangunan dan pemodenan tidak kurang semangat perjuangannya. Melalui pelajaran juga, seseorang itu diingatkan kembali perjuangan nasionalis zaman silam. Dia juga akan menginsafi bahawa negara yang merdeka patut dicintai dan dijaga dengan betul supaya tidak jatuh pada tangan orang lain.

2.2 Konsep Ras

Terdapat dua persoalan penting tentang konsep ras:

- (i) variable yang digunakan sebagai ukuran bagi pengelasan ras.
- (ii) penggunaan pendekatan biologi atau sosial dalam pendefinasian ras.

Ashley Montagu (1964: 5) telah memberi beberapa ciri mengenai konsep ras.

(a) Ras adalah merupakan suatu konsep yang boleh diaplikasikan pada sesuatu kelompok atau populasi individu-individu dan tidak pada seorang individu.

(b) Ras adalah merupakan suatu konsep "which can be arrived at only as a result of a comparative statistical analysis of the genotypically determined traits of populations".

(c) Konsep ras adalah merupakan istilah yang 'comparative' dan 'relative' dengan makna bahawa ia membandingkan sesuatu keadaan atau keadaan-keadaan dalam sesuatu populasi (eg. warna putih) dan mengaitkan keadaan-keadaan itu kepada populasi lain (eg. warna putih dalam satu populasi jika terdapat dalam populasi lain dikatakan ada pertalian persaudaraan yang lebih rapat dari mereka yang tidak berkulit putih).

Pengelasan ras lebih cenderung menggunakan pembolehubah-pembolehubah ciri fizikal luaran seseorang. Simpson dan Yinger (1953: 37) mengatakan bahawa percubaan-percubaan pertama dalam mengklasifikasikan manusia bergantung pada pemerhatian secara kasar atas perbezaan-perbezaan fizikal diikuti lama-kelamaan pula dengan ukuran secara berhati-hati atas trait-trait fizikal luaran.

Mengikut Simpson dan Yinger ciri-ciri fizikal manusia yang sering digunakan adalah warna kulit, bentuk-bentuk hidung, rambut, kepala dan muka serta ketebalan bibir. Tidak ketinggalan juga faktor perbezaan fisiologi seperti suhu badan luaran dan dalaman, metabolisme, kadar denyutan jantung dan perpeluhan.

Linnaeus dalam 1740 membahagikan manusia kepada *Homo Americas*, *Homo Asiaticus*, *Homo Europaeus* dan *Homo Africanas* mengikut trait-trait mental.

Pengelasan ras berdasarkan ciri-ciri fizikal luaran seseorang mempunyai kelemahan-kelemahan kerana ciri-ciri itu dikawal oleh faktor-faktor pewarisan atau genetik dan environment. Misalnya, bentuk-bentuk kepala, rambut, warna kulit dan ciri-ciri morfologikal lain adalah ditentukan oleh interaksi antara jumlah gene tertentu, pengaruh environment fizikal dan adat-adat tempatan. (Simpson dan Yinger, 1953: 41).

W.C Boyd (Simpson dan Yinger, 1953, p: 46) telah menggunakan pembolehubah genetik untuk membahagikan manusia kepada tujuh kumpulan ikut geografi (European, African, Asian, Indo-Dravidian, American, Pacific dan Australian) dan tigabelas kumpulan ras.

Pengelasan-pengelasan ras sepertimana yang telah disebut adalah merupakan hasil-hasil zaman lepas. Ras adalah 'relics of times and conditions which have long ceased to exist'. (Simpson and Yinger, 1953: 46).

Ashley Montagu (Simpson and Yinger, 1953: 39) yang tidak setuju tentang pembahagian-pembahagian ras yang begitu tetap telah pula mengklasifikasikan "the major and ethnic groups of man". Suatu kumpulan etnik adalah didefinisikan sebagai satu daripada jumlah populasi-populasi dalam jenis *Homo sapiens* yang mengekalkan "certain differences by means of isolating mechanisms such as geographical and social barriers". Kumpulan major pula didefinisikan sebagai:

"a number of ethnic groups classified together on the basis of their possession of certain common characters which serve to distinguish that major group from others".

Mengikut pembahagian Montagu terdapat tiga kumpulan major yang besar iaitu: Negroid, Caucasoid dan Monggoloid. Montagu juga melihat pengklasannya sebagai sementara saja. Menurut beliau, kumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri fizikal yang sama tidak semestinya mempunyai asal usul yang sama.

Persoalan kedua ialah tentang definisi ras, iaitu sama ada menggunakan pendekatan sosial atau fizikal genetik. Mengikut Michael Banton (1967: 55) kedua-dua pendekatan ini saling bertindih. Tetapi kerana mereka adalah berdasar pada kriteria yang berbeza, maka mereka tidak boleh jadi 'identical'. Menurut Banton (1967: 55) juga:

"Throughout the world there are people whose social characteristics are not what other members of their societies expect of people with their racial characteristics. One of the most general reactions to this sort of situation is for a society to distort the physical classification to make it fit its social conceptions."

Beliau telah memberikan contoh masyarakat moden di Amerika. Di sana seseorang yang berkulit putih tapi mewarisi keturunan Negro adalah digolongkan secara sosial sebagai seorang Negro. Pada hal, jika dilihat dari sudut biologi, hanya mereka yang mempunyai lebih dari 50% keturunan Negro adalah dianggap sebagai orang Negro.

Ciri penting dalam pendefinasian ras mengikut pendekatan sosial ialah persepsi reciprocal tentang perbezaan-perbezaan fizikal. Ras-ras juga tidak boleh wujud secara sosiologikal melainkan kumpulan-kumpulan tersebut adalah terlebih dahulu 'socially recognized'.

Definasi ras oleh Van dan Berghe (1967: 9) menegaskan tentang persepsi reciprocal ini dan kaitan antara ciri-ciri fizikal dengan ciri-ciri tidak fizikal.

"... human group that defines itself and or is defined by other groups as different from other groups by virtue of innate and immutable physical characteristics are in turn believed to be intrinsically related to moral, intellectual, and other nonphysical attributes or abilities".

A W Lind (dalam Kinloch, 1974: 51) melalui analisisnya di-Hawaii pula mendefinasikan ras sebagai suatu konsep yang dinamik.

...races come into being and races cease to exist, not because a new breed is born or an old stock dies out, but because the shifting conditons of life have made such groups clearly conscious of their being significantly different from others and have enforced a comparable conviction upon those who do not belong.

Definasi Lind menekankan ciri ras yang boleh ubah mengikuti perubahan situasi kehidupan yang dipengaruhi oleh perkembangan sejarah, politik, ekonomi dan demografi masyarakatnya.

Michael Banton melihat ras sebagai suatu 'role sign' di mana 'perceived physical differences are used as the basis of assigning people to particular roles or tasks in the social order'. Maka di sini, latarbelakang ras adalah penting untuk menentukan kelakuan seseorang. Peranan (yang menjadi penentuan obligasi-obligasi dan hak-hak manusia) yang diperuntukkan pada kumpulan-kumpulan ras adalah berbeza.

Perbezaan ras juga berperanan sebagai lambang-lambang atau tanda-tanda untuk memberitahu orang lain tentang jenis kelebihan-kelebihan yang dapat dinikmati oleh seseorang itu. Tanda-tanda yang berkait dengan ciri-ciri fizikal ketara sesuatu kumpulan adalah berbeza dari satu budaya ke budaya lain.

Peranan ras adalah sesuatu yang diwarisi dan seseorang dalam sesuatu masyarakat yang dibelah bahagikan oleh ras biasanya dikehendaki memainkan peranannya disebabkan oleh pengukuhan-pengukuhan yang diguna oleh kumpulannya adalah terlalu kuat. Misalnya, sistem kasta di India.

Definasi-definasi ras adalah berbeza mengikut pengalaman serta disiplin sipenulis. Pendefinasian ras adalah 'time-bound' iaitu ia bermula sebagai suatu kaitan dengan istilah-istilah biologi sehingga kecenderungan para penulis untuk kaitkannya sebagai suatu label sosial oleh para-para elita berkuasa. Dari definasi-definasi ras yang telah

diberi adalah jelas bahawa para penulis lebih cenderung menggunakan pendekatan sosial dari fizikal / genetik. Pendefinasian ras semakin sukar bila wujud perkembangan industrialisasi.

2.3 Konsep Etnik

Mengikut Shibutani dan Kwan (Ethnic and Race Studies, Vol 5 1982: 2)

"An ethnic group consists of people who conceive of themselves as being of a kind. They are united by emotional bonds and concerned with the perservation of their type. With very few exceptions, they speak the same language, or their speech is at least intelligible to each other, and they share a common cultural heritage. Since those who form such units are usually endogamous they tend to look alike".

"....Who conceive themselves as being alike, by virtue of their common ancestry, real or fictitions, and who are so regarded by others".

Definasi-definasi oleh Shibutani dan Kwan di atas meliputi 4 elemen penting dalam istilah etnik.

(a) Etnik dirujuk sebagai suatu kolektiviti dan tidak pula sebagai individu.

(b) Ciri 'primordial' - ahli-ahli dalam sesuatu kumpulan etnik mempercayai bahawa mereka mengongsi 'some common ancestry, real or fictitions'.

(c) Ciri-ciri 'non-primordial' - ahli-ahli mempercayai tentang keistimewaan budaya mereka yang membezakan mereka dengan kumpulan etnik lain.

(d) 'ethnic labelling' oleh orang lain berdasar pada perbezaan yang dapat dilihat di antara kumpulan etnik itu dengan kumpulan lain.

Mengikut M G Smith (Ethnic and Race Studies, 1982: 3) keempat-empat elemen ini mestilah 'simultaneously present' sebelum seseorang itu dapat menamakan sesuatu kolektiviti sebagai etnik.

Ciri 'primordial' dalam definisi etnik adalah dikait oleh Clifford Geertz (Judith Nagata), 1979: 189) dengan pertalian-pertalian darah, keturunan, ras, tempat lahir dan daerah asal-usulnya. Judith Nagata (1979: 190) mengatakan ciri 'primordial' ini adalah merupakan suatu mitos mengenai asal-usul di mana fungsinya ialah 'rationale and legitimate the unity of a category or group of people for whom other (eg. ideological or political or cultural) issues have created a basis of a common interest'.

Pertalian-pertalian ini seterusnya dikatakan oleh Edward Shils (dalam Judith Nagata, 1979: 189) sebagai 'the source and motivating force of a particularly compelling kind of human association'. Ciri-ciri 'primordial' berupaya melahirkan emosi-emosi yang kuat serta perasaan ketaatan dan penglibatan dalam sesuatu komuniti. Geertz (Judith Nagata, 1979: 189) yang menyokong pandangan ini mengatakan pertalian-pertalian inilah yang memberi 'the ethnic community its distinctive character, unity and strength'.

Dalam konteks Malaysia, ahli-ahli dalam satu kumpulan etnik yang berdasar pada pertalian 'primordial' dikatakan ada hubungan darah daging. Istilah bangsa yang meliputi sebarang identiti berdasar pada asal usul, tempat lahir, keturunan, ataupun bahasa dan budaya sering diguna secara bersilih-ganti dengan istilah etnik. Istilah kaum juga digunakan tapi ia berbeza dengan bangsa kerana ia membawa erti komuniti yang lebih kuat

'that is, a definite notion of awareness and incipient groupness as opposed to a more sharing of attributes (primordial and other) of the bangsa category'.
(Judith Nagata 1979: 191)

Ras atau penjenisan ikut fizikal yang boleh dikatakan 'primordial' jarang digunakan dalam konteks Malaysia sebagai penentu etnik kecuali digunakan secara 'secondary' dengan aspek-aspek lain seperti tempat lahir, asal usul dan ugama.

Ciri-ciri 'non primordial' biasa berkait dengan ciri-ciri ketara yang dianggap sebagai lambang-lambang identiti oleh mereka yang menjadi ahli-ahli atau bukan ahli-ahli sesuatu kumpulan etnik itu. Ciri-ciri ini diklaskan sebagai budaya atau adat (bahasa, dialek, nilai, norma, cara pemakanan, pakaian, agama, kesenian, 'folkways', pola rekreasi). Tiap-tiap kumpulan mempunyai elemen-elemen budayanya yang tersendiri. Keunikan budaya tersendiri memperteguhkan perasaan 'we feeling' atau kekitaan dalam sesuatu kumpulan etnik.

Setengah-setengah pengarang menekankan tentang 'cultural homogeneity' tapi mengikut Berry (1965: 46) 'complete uniformity, of course, is not essential; but there does prevail in a ethnic group a

high degree of loyalty and adherence to certain basic institutions, such as family patterns, religion and language'. 'Cultural homogeneity' sudah nak dicapai terutamanya di kalangan masyarakat kompleks yang mempunyai strata-strata sosial yang berbeza.

Mengikut Berry juga (1965: 46) kumpulan etnik itu bersifat dinamik kerana budaya mudah tertakluk pada perubahan. Misalnya bila berlaku modernisasi. Namun demikian, 'sentiment of loyalty to the group and the consciousness of belonging remain as long as the group exists'.

Di Malaysia, perbezaan-perbezaan antara orang-orang Melayu, Cina dan India adalah dirujuk sebagai perbezaan-perbezaan ras, etnik dan 'communal'. Namun demikian, perbezaan ras lebih sering digunakan. Menurut Milne (dalam Ibrahim Saad, 1979: 63):

"everything political and economic in Malaysia is dominated and must be dominated by the considerations of 'racial arithmetic'".

Rakyat di Malaysia menyedari sangat tentang asal-usul ras mereka. Malahan pula, mereka adalah sentiasa diingati tentang asal-usul mereka dalam hampir-hampir semua 'transaction' yang mereka terlibat, sama ada dengan birokrasi kerajaan ataupun dengan sektor awam.

2.4 Konsep Hubungan Ras

Hubungan ras secara ringkasnya didefinisikan sebagai 'the kind of interaction which occurs between group and individuals socially defined as races' (Kinloch, 1974: 53). Hubungan ras yang wujud adalah

bergantung kepada faktor-faktor seperti pemerintahan elita polisi-polisi kerajaan, status ekonomi dan politik kumpulan etnik tertentu.

Hubungan ras di Malaysia sering disimpulkan tidak lebih dari hanya hiasan saja kerana di kulit luar kelihatannya berbagai kaum itu begitu mesra, tetapi di lubuk hati mereka sebenarnya masih menebal dengan 'kau-kau, aku-aku' (Utusan Malaysia 18 Julai 1985:8).

2.5 Teori Integrasi

Teori yang pengkaji telah pilih sebagai paling penting ialah teori integrasi. Jenis integrasi yang dimaksudkan di sini ialah integrasi etnik.

Menurut Raymond Lee (1975: 12) integrasi etnik bermakna proses 'fusion, assimilation or accommodation of various ethnic groups in one locality'.

Gerald McBeath pula berhujah dalam proses integrasi, kehilangan identiti kumpulan-kumpulan etnik tidak semestinya wujud tetapi sebaliknya:

"Integration assumes no unilinear development by a minority toward an idealized terminus. Succintly, it implies that the minority may be able to share experiences with members of the core society and offer its group history as a contribution toward the construction of a broader society".

McBeath sebenarnya menekankan tentang sumbangan kumpulan-kumpulan etnik kepada proses pembentukan satu 'nation'. Beliau juga memberi suatu pengertian yang lebih umum pada makna integrasi iaitu dengan merujuknya sebagai parameter yang penting bagi kesinambungan kewujudan komuniti-komuniti yang berdasar sama ada pada agama, ras atau etnik dalam sesuatu 'nation-state'.

Integrasi politik penting dan merupakan pra-syarat utama dalam pencapaian kestabilan politik. Ekoran dari integrasi politik ialah pencapaian integrasi dalam aspek-aspek lain secara beransur-ansur.

"Integration may be pursued to guarantee the minimum level of stability needed to pursue goals of economic development and modernisation without prejudicing integral interest of ethnic minorities". (McBeath, G, 1973: 19)

Menurut McBeath juga, negara yang bersatupadu yang pada masa yang sama 'culturally homogeneous' dan kaya dalam ekonomi adalah susah dicari.

Berdasarkan pada kajian beliau atas masalah assimilasi orang-orang Filipina Cina ke dalam komuniti nasional Filipina, McBeath (1973: 21) telah mencadangkan bagaimana mungkin kumpulan-kumpulan etnik minoriti dapat mencapai integrasi dengan menggunakan 'The Political Integration Ladder'.

Keenam-enam langkah yang dicadangkan itu bermula dari:

(a) Adaptasi budaya, iaitu kebiasaan dengan corak-corak budaya sama ada dari segi kebendaan atau bukan kebendaan dalam masyara-

kat yang jadi tuan rumah.

(b) Adaptasi struktur, iaitu akomodasi kepada kumpulan-kumpulan lain dalam masyarakat serta berinteraksi dengan mereka.

(c) Adaptasi kognitif

(i) saling mengetahui tentang sifat sebenar kumpulan yang menentang.

(ii) sikap-sikap yang 'receptive' terhadap kumpulan ini.

(d) Akomodasi dengan lingkungan-lingkungan kepentingan yang berfungsi. Ini bermakna pengenalan yang dipertunjukkan dalam sikap kumpulan tersebut tentang peranan-peranan yang mendatangkan manfaat dalam kepentingan-kepentingan sosial yang berbeza.

(e) Persetujuan atas perhubungan-perhubungan kuasa dalaman.

(f) Penerimaan struktur dan pengesahan (legitimacy) kerajaan.

Cara pencapaian integrasi McBeath mengambil pendekatan 'cyclical'. Menurut Raymond Lee (1975: 12) pendekatan ini melibatkan 'a succession of events, a series of stages and certain uniformities in all situations of racial encounters'. Lain-lain pengkaji yang telah menggunakan pendekatan ini ialah Robert E Park and Bogardus.

Robert E Park (dalam Raymond Lee, 1975: 12) membuat hipotesis bahawa pusingan hubungan ras terdiri dari 4 peringkat iaitu:

- (a) Perhubungan / kontrak
- (b) Pertandingan
- (c) Akomodasi
- (d) Assimilasi

Keempat-empat peringkat yang menuju ke arah integrasi ini mungkin diperlambatkan oleh masalah-masalah seperti halangan-halangan dalam bentuk ras dan peraturan-peraturan adat. Sungguhpun begitu, ia tidak boleh tukar arah pencapaiannya ataupun menyongsangkan pergerakan-nya. (Raymond Lee, 1975, p: 13) Generalisasi Park dikritik oleh para sarjana lain sebagai terlalu umum dan corak-corak hubungan ras tidak semestinya menonjolkan keempat-empat peringkat pusingan hubungan ras yang telah dicadangkannya. Ini adalah kerana tiap-tiap situasi hubungan ras adalah unik.

Ada pula antara para sosiologi yang mengambil pendekatan perubahan sikap di mana peranan individu adalah penting dalam pencapaian integrasi. Misalnya Kenneth B. Clark (dalam Raymond Lee, 1975: 18) mengatakan bahawa:

"Integration, as a subjective and individual process involves attitudinal changes and the removal of fears, hatreds, suspicions, stereotypes and superstitions. Integration involves problems of personal choice, personal readinees and personal stability. Its achievement necessarily requires a longer period of time. It cannot come about 'overnight'. It requires education and deals poignantly with the problems of changing men's hearts and minds."

Pendekatan ini menekankan peranan pendidikan sama ada formal atau tidak formal dalam pembentukan individu ke arah pencapaian integrasi. Pendekatan ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia mengkaji peranan pelajaran sebagai pendidikan yang formal dalam pencapaian integrasi di kalangan murid-murid.

Peranan pendidikan seperti yang telah diterangkan oleh Kenneth B Clark adalah penting untuk menghapuskan perasaan-perasaan negatif seperti prejudis dan kebencian. Proses ini memakan masa yang panjang dan sebarang polisi pelajaran yang dibuat dengan tujuan-tujuan sedemikian memerlukan perancangan yang teliti.

Dalam kajiannya di kalangan orang-orang kulit putih di Afrika Selatan, Henry Lever (*Sociology and Social Research*, 1979: 53) mengatakan bahawa:

"Education is often assumed to lead to an expansion of intellectual horizons, the liberalization of thought iconoclasm, a broadening of outlook, and, hence, to a more tolerant attitude towards diverse racial and ethnic group".

Sungguhpun pelajaran memainkan peranan penting dalam integrasi namun demikian, ia tidak disentuh secara mendalamnya dalam teori-teori utama hubungan ras misalnya, dalam teori hubungan ras Robert Park. Walaupun demikian, kepentingannya tidak boleh dinafikan berdasar pada kajian-kajian yang telah dilakukan serta bukti-bukti empirikal yang diperolehi. Misalnya, dalam kajian Lever didapati bahawa penyebaran informasi-informasi yang 'factual' sungguhpun dalam jangkamasa yang

pendek dapat juga mengurangkan ketidaktoleransi ras. Sebaliknya, kejahilan mengikut Lever (Sociology and Social Research, 1979: 55) 'offers a fertile breeding ground for the nurturing of unfounded stereotypes and beliefs'.

Akan tetapi pelajaran tidak semestinya dapat mencapai kejayaan yang diinginkan iaitu integrasi. Ini adalah kerana pelajaran boleh juga bertindak sebagai suatu mekanisme untuk memindahkan kepercayaan-kepercayaan yang tidak diinginkan serta stereotype kaum-kaum lain.

Dalam kajian ini, pengkaji tidak menyentuh aspek-aspek prejudis, stereotype, diskriminasi dan racism dalam hubungan ras atas sebab-sebab keengganan pihak BPPP dalam membenarkan pengkaji menanyakan soalan-soalan sensitif yang boleh menyinggung perasaan murid-murid.

Pelajaran di Malaysia mengambil pendekatan perubahan sikap (attitude change). Proses menyediakan murid-murid ke arah perpaduan negara tidak saja diharap dapat melahirkan dari kalangan pelajar-pelajar 'attachments' yang kuat pada negara, malahan, kerelaan mereka untuk mengabaikan perbezaan-perbezaan masing-masing demi menyatupadukan negara sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Keputusan yang diidamkan ini dari perlaksanaan sistem pelajaran di Malaysia adalah terlalu ideal kerana pelajar-pelajar mempunyai cara pemikiran yang tersendiri dan pandangan yang berbeza yang juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latarbelakang, peribadi dan jangkamasa pendedahan (exposure) masing-masing terhadap kaum-kaum lain. Kementerian Pelajaran cuba mengurangkan keraguan pelajar-pelajar terhadap kaum-kaum lain dengan menambahkan lagi peluang-peluang bagi mereka untuk berinteraksi

dan bekerjasama di antara satu sama lain di sekolah-sekolah.

Simpson dan Yinger (dalam Raymond Lee, 1975: 21) telah mencadangkan tiga jenis aktiviti pendidikan dalam mana pelajar-pelajar berbagai kaum boleh menyertai. Ketiga-tiga aktiviti itu ialah:

(a) 'Community self-surveys' di mana perubahan-perubahan yang positif dalam sikap boleh berlaku melalui projek-projek bersama yang mempunyai hubungan langsung dengan soal hubungan ras dan disertai oleh pelajar-pelajar berbagai kaum.

(b) 'Workcamps' yang melibatkan kerjasama dari belia-belia berbagai kaum untuk mengerjakan suatu tugas yang secara langsung tidak melibatkan soal-soal hubungan ras tetapi mungkin secara tidak langsung mempengaruhi sikap perkauman masing-masing.

(c) Bengkel-bengkel yang mengadakan program-program formal mengenai hubungan ras demi untuk menambahkan pengetahuan pelajar-pelajar tentang kaum-kaum lain.

Sungguhpun sekolah-sekolah di Malaysia ada melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sebegini tetapi sejauhmanakah kegiatan-kegiatan ini dapat merapatkan pelajar-pelajar berbagai kaum ataupun hubungan rapat di kalangan mereka itu hanya pada permukaan saja?

2.6 Teori Interaksi

Interaksi bermakna 'mutual modification of behaviour by individuals responding each to the other in social settings' (Getzels and Thelen, 1971: 13).

Dalam kajian Ma nya, Raymond Lee cuba menentukan perhubungan 'causal' antara integrasi dan interaksi. Beliau cuba membuktikan interaksi adalah sebab manakala integrasi adalah kesan.

Beliau berhujah seterusnya bahawa dalam sebarang interaksi etnik, individu-individu yang pada mulanya telah bersatu (integrated) adalah besar kemungkinannya mengembangkan perhubungan-perhubungan antara etnik yang rapat.

Menurut Daniel Glaser (dalam Raymond Lee, 1975: 156) kedua-dua rangkaian perhubungan adalah mungkin iaitu, integrasi yang terlebih dahulu boleh membawa kepada interaksi seterusnya, ataupun interaksi ras membawa kepada integrasi. Beliau mengesyorkan dua cara dalam mana perubahan dalam identifikasi etnik berlaku iaitu melalui 'reflexive conversion' dan 'ideological conversion'.

(a) 'Reflexive Conversion'

Bermula dengan suatu perubahan dalam perasaan-perasaan sebagai akibat dari kontak atau interaksi dengan mereka dari kumpulan-kumpulan etnik lain. Sifat perasaan-perasaan yang berubah itu bergantung kepada sama ada situasi-situasi semasa kontak berlaku itu adalah dibentuk sedemikian rupa untuk melahirkan pengalaman-pengalaman antara etnik yang diingini ataupun yang tidak diingini.

Perubahan dalam perasaan diikuti dengan perubahan dalam 'associational preferences'. Ini pula berlaku apabila individu mengeneralisasikan perasaan-perasaan yang dialami semasa perhubungan antara etnik. Akhirnya, perubahan dalam ideologi atau imej-imej etnik dan sikap-sikap terhadap kumpulan etnik terjadi. Tetapi ini hanya akan berlaku apabila seseorang individu itu telah merasionalisasikan bahawa perasaan-perasaan yang dilahirkan semasa interaksi dengan sesuatu kumpulan etnik tertentu serta 'associational preferences' telah menjadi 'inconsistent' dengan ideologi-ideologinya yang dulu.

(b) 'Ideological conversion'

Dalam situasi ini pula mengikut Raymond Lee (1975: 157) 'ethnic ideologies and images are first changed by means of persuasive communication or otherwise, followed by changes in associational preferences and finally, by the evocation of anticipatory feelings towards initiation of interethnic contact or interaction'.

Kedua-dua rangkaian perhubungan ini dilihat sebagai saling mempengaruhi antara satu sama lain. Rumusan hubungan interaksi integrasi ini dikritik oleh Raymond Lee (1975: 157) sebagai 'overly-optimistic' kerana perhubungan itu ditanggap sebagai 'an unbroken chain of positive events'. Pada hal ada pula faktor-faktor yang mungkin melambatkan atau menghalang proses interaksi integrasi itu seperti:

(i) Sahsiah

Seseorang itu mungkin terdiri dari mereka yang sama ada cuba mengalahkan sama sekali interaksi dengan orang-orang dari kumpulan etnik lain ataupun mendekati interaksi hanya pada peringkat formal saja misalnya di masa kerja saya.

Dia juga bermanifestasikan sifat-sifat dari 'authoritarian' personality syndrome', kecenderungan-kecenderungan sakit mental (paranoid), perasaan-perasaan tidak selamat dan melakukan penganiayaan dalam bentuk 'ethnic scapegoating'.

Kesemua ini akan mewujudkan penghalang kuat pada permulaan sesuatu proses interaksi atau integrasi kumpulan-kumpulan etnik.

(ii) 'Situational'

Faktor-faktor 'situational' seperti keadaan status yang tidak seimbang, 'mass frustration', ketegangan yang tinggi boleh mengubah apa yang pada awalnya merupakan perhubungan etnik yang mesra.

Akhir kata, perhubungan interaksi-integrasi ini adalah dilihat sebagai suatu proses yang dinamik dengan makna bahawa ia adalah sentiasa tertakluk kepada perubahan kerana proses ini melibatkan perasaan-perasaan emosi dan sentimen individu-individu.

2.7 Ukuran-ukuran untuk Interaksi dan Integrasi

A. Interaksi

Pengkaji akan menggunakan istilah-istilah seperti interaktor-interaktor tinggi, sederhana dan rendah. Darjah interaksi itu diukur mengikut kekerapan aktiviti-aktiviti antara ras dengan ahli-ahli dari kumpulan-kumpulan etnik lain. Cara pengistilahan ini mula diguna oleh Raymond Lee dalam kajiannya tentang interaksi dan integrasi di kalangan pelajar-pelajar universiti Cina dan Melayu. Beliau telah mengubahsuaikan cara pengelasan 'mixers' dan 'non-mixers' Alvin Rabushka (Raymond Lee, 1975: 77).

Dalam proses mengukur interaksi responden-responden, pengkaji tidak menganalisa katakanlah interaksi seorang responden Melayu dengan kawan-kawan Cina atau India secara berasingan. Sebaliknya, pengkaji telah menggolongkan 'kawan-kawan Cina dan India' di bawah 'kawan-kawan kaum lain'.

3 soalan yang bersabit dengan tiga jenis aktiviti antara ras telah ditanya pada tiap-tiap responden. Mereka adalah:

- (i) Berapa kerapkah anda melawati rakan-rakan anda dari ras-ras lain di rumah-rumah mereka?

Kekerapan melawat	Kawan-kawan kaum lain
Tidak pernah	1
3 bulan 1 kali	2
1 bulan 1 kali	3
Tiap-tiap minggu	4

- (ii) Berapa kerapkah anda menjemput rakan-rakan anda dari ras-ras lain ke rumah anda?
- (iii) Berapa kerapkah anda keluar dengan rakan-rakan anda dari ras-ras lain ke parti / tengok wayang / 'social ontings'?

Skor akan diberi pada jawapan kepada tiap-tiap aktiviti antara ras. Skor-skornya adalah seperti berikut:

<u>Kekerapan Melawat</u>	<u>Skor</u>
Tidak pernah	1
3 bulan 1 kali	2
1 bulan 1 kali	3
Tiap-tiap minggu	4

Untuk mendapatkan keseluruhan skor interaksi, tiap-tiap jawapan yang diberi oleh responden kepada ketiga-tiga soalan interaksi adalah dijumlahkan. Sebagai contohnya, sekiranya seorang responden Melayu menjawab bahawa dia melawati rakan-rakan kaum lain di rumah-

rumah mereka 1 bulan 1 kali (skor 3), menjemput mereka ke rumahnya 1 bulan 1 kali (skor 3) serta keluar dengan mereka tiap-tiap minggu (skor 4) maka, jumlah keseluruhan skor interaksi dengan kaum-kaum lain adalah 11. Tiap-tiap responden akan mempunyai satu skor interaksi iaitu dengan kawan-kawan kaum lain.

Satu skim pengelasan responden-responden berdasar pada skor-skor interaksi mereka yang dirangkakan oleh Dr Raymond Lee (1975: 100) adalah ditunjuk di bawah:

<u>Kategori Interaksi</u>	<u>Skor</u>
Interaksi tinggi	10, 11, 12
Interaksi sederhana	7, 8, 9
Interaksi rendah	4, 5, 6

Berdasarkan pada jadual di atas, skor interaksi yang paling tinggi seorang responden boleh dapat ialah 12 manakala skor paling rendah yang boleh diperolehi adalah 4. Berdasarkan pada skim tadi juga, mungkin boleh ditentukan sama ada seseorang itu adalah diklaskan sebagai interaksi tinggi atau sederhana ataupun rendah.

B. Integrasi dan perhubungan 'causal' antara interaksi dan integrasi

Integrasi ataupun pembentukan sikap-sikap awal responden terhadap kumpulan-kumpulan etnik lain bolehlah disimpulkan daripada ciri-ciri latarbelakang berkenaan:

- (i) pengalaman antara ras yang lepas.
- (ii) jangka masa pendedahan pada ras-ras lain.
- (iii) status sosio-ekonomi.

Berdasarkan kepada kesimpulan daripada ciri-ciri latarbelakang ini dan jika didapati tidak perbezaan sistematik antara interaktor-interaktor tinggi, sederhana dan rendah, maka bolehlah dirumuskan bahawa corak interaksi semasa tidak merupakan hasil daripada pembentukan sikap-sikap awal / integrasi awal.

Pada hal jika terdapatnya perbezaan sistematik maka, kesimpulan yang didapati ialah corak-corak interaksi semasa adalah dipengaruhi oleh perbezaan-perbezaan dalam sikap-sikap awal terhadap kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan.

BAB III

SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN

3.1 Pengenalan

Sebuah bangsa (nation) adalah terdiri dari dua komponen, iaitu negara (state) dan masyarakat yang tinggal di dalamnya. Bagi setengah-tengah bangsa, pendirian masyarakatnya mendahului negaranya. Dalam situasi sedemikian, usaha-usaha sengaja dalam perpaduan masyarakatnya tidaklah menduduki tempat utama dalam rancangan pembangunan negara. Di Malaysia pula, di mana negara tetap ada tetapi rakyatnya belum dapat bersatu, maka usaha-usaha sengaja untuk menyatupadukan rakyatnya akan diberi keutamaan penting dalam semua rancangan-rancangan pembangunan negaranya.

Sekolah dan pelajaran tidak saja merupakan ejen-ejen utama dalam mensosialisasikan masyarakat plural di Malaysia, bahkan juga merupakan cara yang paling sesuai untuk memperbaiki situasi kaum Bumiputera serta menyediakan belia-belia Melayu untuk memegang kedudukan-kedudukan istimewa sepertimana yang telah dijanjikan kepada mereka dalam Perlembagaan.

Sejarah perkembangan Sistem Pelajaran Negara terutamanya selepas kemerdekaan akan dibincang supaya dapat mengikuti perkembangan dalam usaha-usaha para elite politik Malaysia untuk menyatupadukan rakyatnya.

3.2 Sejarah Perkembangan Sistem Pelajaran Negara

Sehingga Perang Dunia Kedua, tidak ada sebarang keperluan untuk perpaduan nasional. Sistem pelajaran yang wujud di bawah penjajahan British masa itu adalah bertujuan untuk mengekalkan keadaan status-quo masyarakat Malaya. Terdapat empat sistem persekolahan yang ada di zaman itu. Mereka adalah:-

- (i) sistem persekolahan vernakular Melayu.
- (ii) sistem persekolahan vernakular Cina.
- (iii) sistem persekolahan vernakular Tamil.
- (iv) sistem persekolahan vernakular Inggeris.

Pihak Inggeris tidak pula menggalakkan ataupun menyekatkan perkembangan sistem-sistem persekolahan itu. Corak persekolahan yang wujud di masa itu tidak saja meluaskan lagi jurang perkauman masyarakat Malaya malahan, telah sedikit sebanyak melambatkan proses integrasi rakyat Malaysia masa kini. Bagaimana ini boleh berlaku?

Kesedaran nasional di kalangan rakyat Malaya tidak dapat dipupuk kerana sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil ini mensosialisasikan kanak-kanak ke dalam pengelompokkan ras masing-masing. Walaupun pendidikan Inggeris telah menyediakan satu pengalaman persekolahan bagi sejumlah kecil penduduk Malaya, namun kesan keseluruhannya tidak banyak dirasakan. Ini ialah kerana pelajaran Inggeris adalah dihadkan.

Pada masa yang sama, sistem persekolahan Inggeris telah mewujudkan perbezaan di antara para elita yang berpendidikan Inggeris dengan mereka yang tidak menerima pendidikan Inggeris dari segi status sosio-ekonomi. Kebanyakan dari mereka yang berpelajaran Inggeris telah menjadi pegawai-pegawai kerajaan. Mereka yang menerima pendidikan Melayu dan Tamil adalah lebih kurang bernasib baik. Kurikulum pelajaran mereka cenderung ke arah 'rural with an agricultural bias' (Ibrahim Saad, 1979: 149). Manakala di kalangan orang-orang Cina pula, kebanyakan dari mereka dapat mencari kerja dalam komuniti perniagaan mereka.

Perbezaan-perbezaan besar dari status sosio-ekonomi masyarakat plural di Malaya mempunyai konotasi-konotasi ras yang luas. Misalnya, perbezaan status di antara orang-orang yang terdiri sebahagian besarnya dari kaum bukan Melayu yang berpendidikan Inggeris dengan penduduk-penduduk luar bandar yang terdiri dari kaum Melayu. Keadaan ini seolah-olahnya membawa kepada suatu situasi di mana kaum bukan Melayu mempunyai pencapaian sosio-ekonomi yang lebih tinggi dari kaum Melayu.

Pendudukan Jepun di Malaya di antara tahun 1941-1945 telah menyebabkan semua sekolah-sekolah ditutup. Pembaharuan-pembaharuan dalam polisi-polisi pelajaran Malaya hanya bermula selepas penyerahan Jepun dan pengembalian pemerintahan Inggeris. Apabila Cheeseman merumuskan polisi pelajaran yang baru dalam tahun 1946, beliau sebenarnya berhajat untuk mewujudkan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum. Rancangan Cheeseman 1946 itu menganjurkan:-

- (i) pelajaran rendah yang percuma kepada keempat-empat sistem persekolahan itu.
- (ii) pengajaran Bahasa Inggeris di semua kelas.
- (iii) peluang pekerjaan yang sama untuk lelaki dan perempuan.

Rancangan Cheeseman tidak mencadangkan sebarang cara untuk membentuk satu pengalaman persekolahan yang sama bagi generasi yang akan datang. Rancangan ini telah ditolak oleh Majlis Perundangan dalam tahun 1950.

Tahun 1951 memperlihatkan suatu permulaan dalam kesedaran yang serius tentang peranan pelajaran dalam integrasi nasional. Satu rangkaian kata yang sering digunakan pada masa itu ialah 'A Common Malayan Outlook' (Negara, No. 3 1976: 2). Suatu jawatankuasa yang terdiri daripada sembilan orang Melayu dan lima orang Eropah telah dilantik. Pengerusi mereka ialah Barnes J.L. Jawatankuasa ini menyedari tentang kemerosotan perhubungan ras di Malaya lalu telah merumuskan satu rancangan yang diyakini boleh membawa kepada perubahan. Hasil rancangan itu ditulis dalam Lapuran Barnes 1951.

Lapuran Barnes mencadangkan satu jenis sekolah rendah yang terbuka kepada murid-murid dari berbagai kaum. Guru-guru kaum berlainan juga akan diambil untuk bertugas di sekolah-sekolah ini. Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia akan digunakan secara bebas dan bertukar-tukar. Kedua-dua bahasa ini wajib dipelajari dalam sekolah-sekolah nasional kerana Bahasa Malaysia adalah lingua-franca Malaya, manakala Bahasa Inggeris ialah bahasa pihak kolonial. Bahasa Cina dan Bahasa Tamil pula akan digunakan sebagai matapelajaran-matapelajaran sekolah. Alasan-

alasan yang diberi oleh Jawatankuasa Barnes (Ibrahim Saad, 1979: 154) untuk menerangkan kenapa ia memperkenalkan 'bilingualism' dalam pendidikan ialah:

"We have set up bilingualism in Malay and English as its (education policy) objective because we believe that all parents who regard Malaya as their permanent home and the object of their undivided loyalty will be happy to have their children educated in these languages".

Laporan Barnes telah menimbulkan bantahan dari kaum Cina yang telah melihat sekolah nasional sebagai satu uguran kepada budaya dan bangsa mereka. Maka, dalam tahun 1951, Laporan Fenn Wu diterbitkan. Laporan ini menganjurkan 'unity in diversity' dan mengatakan bahawa 'the unity of a nation depends not upon the singleness of tongue or simplicity of culture, it lies in the hearts of its citizens' (Negara, No. 3 1976: 2). Ia juga mencadangkan supaya semua murid-murid mempelajari dari isikandungan yang sama tetapi dalam bahasa ibunda masing-masing.

Hasil daripada kedua-dua Laporan Barnes dan Laporan Fenn Wu ialah Ordinan Pelajaran 1952. Ini adalah kali pertama dalam mana sesuatu polisi pelajaran di Malaysia dijadikan undang-undang. Termaktub dalam Ordinan ini ialah pembentukan dua jenis sekolah kebangsaan, di mana yang pertama, Bahasa Malaysia akan diguna sebagai bahasa pengantar, manakala yang kedua, Bahasa Inggeris pula dipakai. Kemudahan-kemudahan untuk pengajaran Bahasa Tamil dan Bahasa Cina akan disediakan. Ordinan ini tidak pernah diimplimentasikan kerana pihak Inggeris tidak berupaya untuk membiayai projek ini.

Apabila Perikatan memenangi pilihanraya dalam tahun 1955, Datuk Abdul Razak telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Sebuah jawatankuasa telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan Melayu. Dalam tahun 1956, Lapuran Razak telah diterbitkan oleh jawatankuasa yang dipengerusi oleh Datuk Abdul Razak. Satu isu polisi yang berkaitan dengan kurikulum sekolah yang selama itu tidak berorientasi Malaya, telah disyorkan dalam lapuran ini.

"One fundamental requirements of the education policy of the Federation of Malaya is to orientate all schools primary and secondary to a Malayan outlook. We consider that the way to do this is to ensure common content syllabuses for all schools".

(Ibrahim Saad, 1979: 158)

Bukan saja kurikulum yang sama telah dicadangkan untuk semua sekolah-sekolah bahkan, juga peruntukan masa yang sama untuk matapelajaran-matapelajaran yang diajar. Objektif utama Lapuran Razak ialah membawa bersama-sama kanak-kanak pelbagai kaum di bawah satu sistem pelajaran nasional dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah merupakan bahasa pengantar yang utama.

Lapuran Razak telah diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan dijadikan Ordinan Pelajaran 1957. Syarat Lapuran Razak ialah bahawa polisi pelajaran negara mestilah disemak semula tidak lambat dari tahun 1959.

Maka, dalam tahun 1959, Mesyuarat Penyemakan Semula Pelajaran telah diadakan. Menteri Pelajaran, Abdul Rahman Talib telah menjadi pengerusinya. Hasil daripada mesyuarat itu ialah Lapuran Abdul Rahman

Talib. Implikasi-implikasi lapuran ini ialah:-

- (i) Bahasa Kebangsaan akan dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah kerajaan aliran Inggeris, Cina dan Tamil sebelum tahun 1967.

Hanya sekolah-sekolah menengah aliran Inggeris dan Melayu dibenarkan. Murid-murid dari sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil akan dimasukkan di sekolah-sekolah ini selepas tamat pengajaran sekolah rendah mereka.

- (ii) semua peperiksaan awam kerajaan akan diadakan hanya dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Cadangan-cadangan dalam Lapuran Abdul Rahman Talib telah dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 selepas diluluskan oleh Parlimen.

Pada 1hb September 1967, Akta Bahasa Kebangsaan telah diluluskan oleh Parlimen. Akta ini tidak menghapuskan penggunaan bahasa-bahasa lain kecuali menegaskan tentang pentingnya penggunaan Bahasa Malaysia. Sungguhpun tahun 1967 juga menandakan masa dalam mana semua sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil yang dibantu oleh kerajaan mula menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mereka, namun tidak kelihatan apa-apa perubahan. Perubahan yang ada hanya pada pengajaran matapelajaran Sivik dalam Bahasa Malaysia.

Hanya selepas kejadian peristiwa pahit 1hb Mei 1969, barulah kerajaan Malaysia mengambil perhatian berat dalam mengimplimentasikan polisi pelajaran sepertimana yang telah digaris kasarkan dalam Akta Pelajaran 1957 dan 1960. Berikutan dari itu, semua sekolah-sekolah kerajaan atau sekolah-sekolah yang menerima bantuan kerajaan telah

mulai menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama mereka.

Hasil-hasil daripada implimentasi polisi pelajaran adalah seperti berikut:-

- (i) semua sekolah-sekolah awam mengajar dari satu kurikulum yang sama dengan peruntukkan masa yang sama untuk tiap-tiap matapelajaran.
- (ii) Kementerian Pelajaran telah meletakkan guru-guru berbagai kaum di sekolah-sekolah yang homogeneous dari segi kaum.
- (iii) penegasan telah diberi atas penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dalam semua latihan perguruan di peringkat sijil dan diploma.
- (iv) matapelajaran Sivik terdapat pada semua jadual waktu sekolah-sekolah walaupun pengajarannya tidak memuaskan.

Langkah-langkah yang telah diambil di atas adalah berdasarkan kepada andaian-andaian persamaan (equality), integrasi dan sosialisasi politik secara sengaja. Dengan meletakkan murid-murid dari berbagai kumpulan etnik bersama-sama di bawah satu bumbung serta mengajar mereka dengan menggunakan satu bahasa pengantar yang sama, ada kemungkinannya, integrasi di kalangan mereka akan wujud. Mengikut kata-pepatah Melayu "Tak kenal maka tak cinta" (familiarity or togetherness breeds love). Melalui pengajaran Sivik, para pelajar telah secara sengaja disosialisasikan ke arah konformiti kepada aspirasi-aspirasi nasional dan ideologi nasional tidak saja diperkenalkan di dalam matapelajaran Sivik, bahkan juga dalam matapelajaran-matapelajaran lain seperti Sejarah. Menurut Pengarah Pelajaran (Ibrahim Saad, 1979: 168):

"It is basically in the classroom that a deep understanding of Rukunegara should be inculcated so that its values can be appreciated in later years. The children begin by loving and respecting their friends; they understand the broad principles of the various religions and culture in the classroom. They are informed of the importance and advantages of tolerance and respect of the customs, habits and beliefs of their friends. In order to build up a good foundation for Rukunegara in the primary schools the close syllabus has been arranged so that it has the following objectives: (i) To imbue a spirit of love for the country (ii) to understand, appreciate and respect their friends who belong to various races (iii) to inculcate self-reliance (iv) to instill good habits.

(Ibrahim Saad, 1979, p: 168)

Peranan pelajaran dalam memperbaiki situasi ketidakseimbangan ras di Malaysia telah merupakan kuasa penggerak di sebalik Rancangan Malaysia Kedua yang merupakan sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru. Tujuan pelajaran ialah untuk membentuk semula masyarakat Malaysia dan menghapuskan identifikasi sesuatu ras dengan sesuatu fungsi ekonomi. Dengan memindahkan orang-orang Melayu dan kaum asli Malaysia dari sektor tradisional pertanian ke sektor-sektor yang lebih moden, maka, identifikasi mereka dengan pekerjaan pertanian akan dikurangkan.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua 1970-1975, dikatakan bahawa kerja akan terus implimentkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama secara berperingkat.

Jika Rancangan Malaysia Ketiga 1976 dilancarkan, program pelajaran sudah berada dalam tahun keenam perlaksanaannya. Dasar pelajaran telah dibentuk sedemikian rupa agar dapat memupuk di kalangan pelajar-pelajar suatu 'national belonging' dan perasaan cinta pada negara.

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 tetap juga menegaskan tentang kepentingan pelajaran dalam integrasi nasional serta sumbangan mereka kepada kemajuan negara dan rakyat. Tahun 1982 melihatkan pelaksanaan projek Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) sebagai percubaan untuk menggantikan kurikulum yang lama. Dalam KBSR, tumpuan khas diberi pada 3M - Menggaji, Membaca dan Menulis. Di samping itu, KBSR bertujuan membantu individu memperkembangkan beberapa kecekapan diri agar dapat menghadapi tekanan-tekanan fizikal dan sosial kehidupan melalui mata-pelajaran Alam dan Manusia. Pada dasarnya, pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Alam dan Manusia adalah untuk mencapai tiga tujuan:-

- (a) memperolehi maklumat atau pengetahuan.
- (b) pemerolehan sikap dan nilai.
- (c) menguasai kemahiran.

Tujuan kedua membabitkan dimensi afektif atau perasaan.

Walaupun ada yang kata soal nilai dan sikap lebih merupakan soal peribadi namun, suatu orientasi nilai yang seragam adalah perlu untuk hidup ber-masyarakat yang berperaturan, aman dan sejahtera. Murid-murid tidak saja harus memahami sistem nilai masyarakat, mereka juga perlu memupuk dan mengembangkan taat-setia pada negara, memupuk rasa hormat kepada ciri-ciri unggul, warisan dan institusi-institusi masyarakat serta memupuk dan mengembangkan rasa persaudaraan terhadap manusia se-jagat.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) merujuk kepada penyusunan semula kurikulum menengah. Ia bertujuan menjamin kesinambungan KBSR yang sudah berjaya dilaksanakan demi untuk melahirkan generasi berilmu, berdisiplin serta warganegara yang baik, bersatu-padu dan men-

cintai negara.

Penyusunan semula ini masih dalam proses dan dijangka akan diperkenalkan dalam 1988. Kementerian Pelajaran telah menjadikannya sebagai program bersama rakyat. Satu daripada syor-syor dalam KBSM ialah penekanan atas aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Suatu kajian akan dilakukan oleh Pusat Pembangunan Kurikulum (CDC) untuk menentukan jenis aktiviti yang boleh dijadikan 'standard' dalam semua sekolah. Pihak CDC juga akan mengkaji tentang kemungkinan mengurangkan mata-pelajaran-matapelajaran peperiksaan dalam kurikulum sekolah. Percubaan untuk mengubah kurikulum sekolah menengah adalah untuk mengubah keadaan persekitaran sekolah dari suatu pusat yang berorientasi peperiksaan ke suatu tempat di mana murid-murid dapat belajar dengan gembira tanpa apa-apa ketegangan.

Dalam bulan September 1984, Kementerian Pelajaran masa itu, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, mengumumkan bahawa kegiatan ko-kurikulum sekolah akan diberi pengiktirafan penting dalam menilai pencapaian seseorang pelajar dalam semua sijil peperiksaan-peperiksaan SRP, SPM dan STPM.

Selain daripada cadangan untuk menekankan penglibatan murid-murid dalam aktiviti ko-kurikulum dalam rancangan KBSM, antara yang lain ialah penggantian matapelajaran Sejarah Dunia dan Ilmu Alam dengan matapelajaran kewarganegaraan (citizenship studies). Kajian juga akan dijalankan untuk menentukan sama ada matapelajaran Sivik sesuai dijadikan satu matapelajaran yang berorientasikan peperiksaan.

Program Integrasi Murid Untuk Perpaduan (PIMUP) telah dilaksanakan dalam 1985 oleh Kementerian Pelajaran sebagai usaha murni kerajaan dalam menggiatkan lagi penyatuan kaum pada peringkat paling awal iaitu sekolah rendah. Beberapa sekolah telah dipilih untuk menjalankan program ini. Adalah diingatkan bahawa program ini tidak sekali-kala akan menghapuskan status-sekolah Cina dan Tamil ataupun menenggelamkan kebudayaan mereka. Ini adalah kerana program ini berkaitan dengan ko-kurikulum dan tidak membabitkan soal-soal kurikulum.

Program ini telah diperkenalkan apabila terdapat kenyataan jelas tentang ketinggian bilangan murid-murid India dan Cina yang tidak dihantar ke sekolah-sekolah kebangsaan. Keadaan yang membimbangkan ini nelambatkan percubaan kerajaan untuk memupuk perpaduan di kalangan murid-murid sebaik-baiknya bila mereka masih berada di sekolah rendah lagi. Murid-murid Cina dan Tamil hanya bersempatan untuk bergaul dengan kaum lain bila sampai di peringkat sekolah menengah.

Sejak kebelakangan ini, Kementerian Pelajaran di bawah Menteri Pelajaran yang baru, Encik Anwar Ibrahim, bercadang untuk 'mengemaskinkan Dasar Pelajaran Kebangsaan bagi mengukuhkan semangat kebangsaan supaya menjamin mutu pembelajaran, bahawa mesej, kurikulum dan mata pelajaran yang disampaikan itu memenuhi semangat dan cita-cita, termasuk melahirkan rakyat bersatupadu'. (Berita Harian, 12 Sept 1986: 1). Cadangan ini juga memastikan agar jenerasi yang akan datang tidak dipecahbelahkan oleh masalah-masalah perkauman.

3.2 Kurikulum Pendidikan di Malayasia

Kurikulum dalam ertikata biasa bermakna 'segala perancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah ataupun sesebuah institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan'. (Jawatankuasa Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, 1979: 66). Kurikulum sekolah di Malaysia dibahagi kepada dua bahagian:-

- (a) sukatan pelajaran dan kandungan matapelajaran serta segala kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Dalam perbincangan ini, pengkaji akan menekankan matapelajaran Sivik dan Bahasa Malaysia.
- (b) kegiatan pendidikan luar bilik-darjah atau ko-kurikulum seperti kegiatan-kegiatan sukan, persatuan, pasukan pakaian seragam dan lain-lain.

Peranan kurikulum adalah 'membina perkembangan murid yang lengkap di segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan'. (Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979: 66). Dalam konteks Malaysia seperti yang telah dibincangkan, kurikulum adalah berkait rapat dengan perpaduan negara. Sekolah-sekolah di Malaysia berperanan dalam membimbing dan mendidik murid-murid supaya sifat-sifat yang boleh membawa ke arah perpaduan dapat dibina.

BAB IV

POLA INTERAKSI, TOLERANSI SOSIAL DAN PERHUBUNGAN 'CAUSAL' ANTARA INTEGRASI- INTERAKSI DI KALANGAN RESPONDEN-RESPONDEN

Dalam bab ini, pengkaji akan cuba:

- (a) mengukur pola interaksi pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India.
- (b) mengaitkan pola interaksi tiap-tiap golongan pelajar-pelajar ini dengan toleransi sosial mereka terhadap pelajar-pelajar dari kaum-kaum lain.
- (c) mengkaji pengaruh faktor-faktor latarbelakang ke atas pola interaksi semasa pelajar-pelajar.

4.1 Pola interaksi para responden

Ukuran interaksi Raymond Lee yang mana pengkaji telah menggunakan telahpun dibincang secara panjang lebar dalam Bab 2. Seterusnya dibincangkan hasil daripada analisis pengkaji terhadap jawapan-jawapan yang diberikan oleh tiap-tiap responden kepada ketiga-tiga soalan yang dikemukakan.

Responden Melayu

Jadual 4.1 :Peringkat-peringkat Interaksi Responden-responden Melayu dengan kawan-kawan Cina dan India

Peringkat Interaksi Pelajar-Pelajar Melayu	Kawan-Kawan Kaum Lain	
	(N = 16)	100%
Tinggi	-	-
Sederhana	4	25
Rendah	12	75

Merujuk kepada jadual di atas, peringkat interaksi majoriti daripada para responden Melayu dengan kawan-kawan kaum lain iaitu seramai 12 (75%) orang adalah rendah. Ini bermakna kebanyakan daripada mereka adalah terletak sama ada dalam lingkungan mereka yang tidak pernah ataupun hanya 3 bulan 1 kali menjemput mempelawa ke rumah dan keluar dengan kawan-kawan Cina dan India.

Responden Cina

Jadual 4.2 : Peringkat-peringkat Interaksi Responden-responden Cina dengan Kawan-kawan Melayu dan India

Peringkat Interaksi Pelajar-pelajar Cina	Kawan-kawan kaum lain	
	(N = 34)	100%
Tinggi	-	-
Sederhana	6	18
Rendah	28	82

Sebanyak 28 (82%) orang daripada para responden Cina adalah merupakan interaktor-interaktor rendah dengan kawan-kawan Melayu dan India. Ini bererti majoriti besar daripada mereka jarang berinteraksi dengan kaum-kaum lain walaupun selalu jumpa di sekolah.

Responden India

Jadual 4.3 : Peringkat-peringkat Interaksi
Responden-responden India dengan
Kawan-kawan Melayu dan Cina

Peringkat Interaksi Pelajar-pelajar India	Kawan-kawan kaum lain	
	(N = 10)	100%
Tinggi	2	20
Sederhana	8	80
Rendah	-	-

Berbanding dengan jadual-jadual interaksi responden-responden dua kaum yang lain, jadual 4.3 menunjukkan jumlah sebanyak 8 (80%) daripada responden India adalah terletak dalam golongan interaktor sederhana. Kepentingan di sini adalah bahawa responden-responden India menunjukkan kekerapan interaksi dengan kawan-kawan dari kaum-kaum lain yang jauh lebih tinggi dari responden-responden Melayu dan Cina. Ini bererti mereka sekurang-kurangnya berinteraksi dengan kaum-kaum lain 1 bulan 1 kali ataupun tiap-tiap minggu. Apa yang menarik di sini ialah terdapat 3 (30%) daripada mereka yang merupakan interaktor-interaktor tinggi.

Kesimpulan

Secara amnya, responden-responden Melayu dan Cina adalah pada majoriti besarnya interaktor-interaktor rendah. Tidak terdapat banyak perbezaan dari segi jumlah antara responden-responden Melayu (75%) dan Cina (82%) yang merupakan interaktor-interaktor rendah.

Sebahagian besar daripada responden-responden India adalah digolongkan sebagai interaktor-interaktor sederhana. Di antara ketiga-tiga kumpulan responden itu, interaktor tinggi hanyalah didapati dari responden-responden India (20%) walaupun jumlahnya kecil.

4.2 Pola interaksi dan toleransi sosial para responden

Menurut Alvin Rabushka (dalam Raymond Lee, 1975: 67):-

The higher the rate of **social** interaction, the most likely members of the ethnic group will be willing to marry, live, work or otherwise associate with members of other ethnic groups.

Dalam bahagian ini pengkaji akan membuktikan sama ada pola-pola interaksi pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India dapat mempengaruhi toleransi sosial mereka. Toleransi sosial mereka dapatlah dilihat daripada jumlah peratusan mereka yang sudi menerima atau bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial di bawah:-

- (i) bekerjasama dengan mereka dalam sebarang projek kelas ataupun persatuan-persatuan di sekolah.
- (ii) menerimanya sebagai teman sebilik / serumah.
- (iii) menerima mereka sebagai jiran-jiran.
- (iv) menghormati pengawas-pengawas / pengerusi kelab kaum lain.
- (v) menerimanya sebagai teman hidup melalui institusi perkahwinan.

Jadual 4.4 : Jumlah kesudian para interaktor Melayu sederhana dan rendah untuk berhubung/bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial di bawah.

Tingkat Interaksi Responden-responden Melayu dengan Kawan-kawan kaum lain	Kesudian untuk ... dengan kaum-kaum lain				
	1. Membuat Kerja Kumpulan	2. Mengongsi Bilik/Rumah	3. Sebagai Jiran	4. Menghormati	5. Mengahwini
Sederhana (N = 4)	4 (100%)	2 (50%)	4 (100%)	4 (100%)	3 (75%)
Rendah (N = 12)	12 (100%)	6 (50%)	10 (83%)	12 (100%)	9 (75%)

Merujuk ke jadual 4.4 terdapat sedikit perbezaan dari segi jumlah peratusan di antara interaktor-interaktor Melayu sederhana dengan interaktor-interaktor Melayu rendah yang sudi berhubungan ataupun bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam kelima-lima hubungan sosial itu. Perbezaan yang agak ketara hanya dapat dilihat dalam hubungan sosial ke 3 di mana 4 (100%), iaitu keseluruhan daripada para interaktor Melayu sederhana sudi menerima kaum-kaum lain sebagai jiran mereka berbanding dengan hanya 10 (83%) daripada interaktor-interaktor Melayu rendah.

Peratusan paling kecil mereka yang sudi terdapat dalam hubungan sosial ke 2 (teman sebilik). Terdapat hanya 2 (50%) dan 6 (50%) daripada kedua-dua interaktor-interaktor Melayu sederhana dan rendah yang rela menerima kaum-kaum Cina atau India sebagai teman sebilik/serumah.

Jadual 4.5 : Jumlah kesudian para interaktor Cina sederhana dan rendah untuk berhubung/bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial di bawah.

Tingkat Interaksi Responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Kesudian untuk ... dengan kaum-kaum lain				
	1. Membuat Kerja Kumpulan	2. Mengongsi Bilik/Rumah	3. Sebagai Jiran	4. Menghormati	5. Mengahwini
Sederhana (N = 6)	6 (100%)	5 (83%)	6 (100%)	6 (100%)	4 (67%)
Rendah (N = 28)	28 (100%)	20 (71%)	27 (96%)	28 (100%)	18 (64%)

Daripada jadual 4.5 perbezaan dari segi jumlah peratusan penerimaan para interaktor Cina sederhana dan rendah terhadap kaum-kaum lain hanya dapat dilihat dalam hubungan-hubungan sosial ke 2 (teman sebilik/serumah), ke 3 (jiran) dan ke 5 (teman hidup). Walau bagaimanapun perbezaan yang ada hanyalah sedikit saja kecuali dalam hubungan sosial ke 2 (teman sebilik/serumah) di mana terdapat 5 (83%) daripada para interaktor Cina sederhana yang sanggup menerima kaum-kaum lain sebagai teman sebilik / serumah berbanding dengan hanya 20 (71%) daripada interaktor-interaktor rendah.

Satu perkara menarik yang dijumpai dalam analisis jadual 4.5 ialah perbezaan ketara antara penerimaan responden-responden (sama ada interaktor-interaktor sederhana atau rendah) dalam hubungan sosial ke 2 (teman sebilik / serumah) dengan hubungan sosial ke 3 (jiran). Didapati lebih ramai daripada mereka yang sudi menerima kaum-kaum lain sebagai jiran daripada teman sebilik. Sebagai contohnya, terdapat sebanyak 27 (96%) daripada interaktor-interaktor rendah yang sudi menerima kaum-kaum lain sebagai jiran berbanding dengan hanya 20 (71%) daripada mereka yang rela menerima kaum-kaum sebagai teman sebilik.

Peratusan kesudian yang paling rendah terdapat dalam hubungan sosial ke 5 (teman hidup). Hampir separuh daripada interaktor-interaktor sederhana dan rendah tidak sudi mengahwini kaum-kaum lain. Para interaktor sederhana yang dianggap lebih 'open-minded' kerana sering berinteraksi dengan kaum Melayu atau India, masih juga didapati dari kalangan mereka yang tidak rela berkahwin dengan kaum-kaum lain.

Jadual 4.6 : Jumlah kesudian para interaktor India tinggi dan sederhana untuk berhubung/bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial di bawah.

Tingkat Interaksi Responden-responden India dengan kawan-kawan kaum lain	Kesudian untuk ... dengan kaum-kaum lain				
	1. Membuat Kerja Kumpulan	2. Mengongsi Bilik/Rumah	3. Sebagai Jiran	4. Menghormati	5. Mengahwini
Tinggi (N = 2)	2 (100%)	2 (100%)	2 (100%)	2 (100%)	2 (100%)
Sederhana (N = 8)	8 (100%)	7 (88%)	8 (100%)	8 (100%)	7 (88%)

Perbezaan dari segi jumlah peratusan toleransi sosial antara interaktor-interaktor India tinggi dengan sederhana hanyalah dalam hubungan sosial ke 3 (teman sebilik) dan 5 (teman hidup). Didapati keseluruhan daripada para interaktor tinggi lebih sudi menerima kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial ini berbanding dengan hanya 7 (88%) daripada interaktor-interaktor sederhana.

Berbanding dengan responden-responden Melayu dan Cina, didapati responden-responden India lebih sudi menerima kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial yang diberi. Ini jelas dapat dilihat dalam hampir-hampir semua hubungan sosial yang telah diberi, di mana 100% daripada interaktor-interaktor India sama ada dari kategori tinggi atau sederhana menyatakan kesudian mereka untuk berhubung atau bekerjasama dengan kaum-kaum lain. Satu lagi perkara yang mesti diambil perhatian adalah bahawa 100% daripada interaktor-interaktor tinggi rela menerima kaum-kaum lain dalam semua hubungan-hubungan sosial.

Kesimpulan

Interaktor-interaktor tinggi lebih sudi menerima kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial 1 - 5 berbanding dengan interaktor-interaktor sederhana dan rendah. Terbuktilah hipotesis yang mengatakan semakin tinggi interaksi sosial seseorang semakin rela dia memasuki hubungan-hubungan sosial dengan kaum-kaum lain. Namun demikian, ini tidak dapat diterima sebagai keputusan muktamad kerana jumlah interaktor tinggi hanyalah dua orang saja.

Terdapat sedikit perbezaan antara toleransi sosial interaktor-interaktor sederhana dengan interaktor-interaktor rendah dalam sesuatu kaum itu. Pengecualian didapati di kalangan responden-responden Melayu di mana perbezaan adalah agak ketara dalam hubungan sosial ke 3 (jiran) dan bagi responden-responden Cina pula, perbezaan didapati dalam hubungan sosial ke 2 (teman sebilik).

Para responden tidak kira ras atau tingkat interaksi mereka lebih sudi menerima kaum-kaum lain sebagai jiran dari teman sebilik. Penjelasannya ialah adalah lebih senang bagi seseorang responden untuk menyesuaikan diri dengan seseorang dari kaum lain sebagai jiran daripada teman sebilik/serumah. Menurut Raymond Lee (1975: 126):-

"... living under the same roof with an 'outgroup' demands a certain amount of personal sacrifices, one has to adjust to or accept the personal habits of the 'outgroup' members".

Lagipun penyesuaian-penyesuaian yang dilakukan tidak semestinya suatu proses yang licin, bahkan mereka boleh membawa kepada konflik.

Responden-responden India berbanding dengan responden-responden Melayu dan Cina muncul sebagai mereka yang paling sudi menerima kaum-kaum lain dalam hubungan-hubungan sosial yang diberi.

Dalam hubungan sosial yang lebih 'superficial' seperti hubungan sosial pertama (kerja kumpulan) dan ke 4 (menghormati) didapati 100% dari para responden (tidak kira kaum dan tingkat interaksi) menyatakan kesudian mereka. Padahal dalam situasi-situasi sosial lain seperti penerimaan kaum-kaum lain sebagai teman sebilik atau teman hidup yang memerlukan perhubungan yang lebih 'intimate', terdapat pula sebahagian

besar daripada mereka yang tidak rela. Ini sangat nyata terutama di kalangan responden-responden Melayu dan Cina.

Namun demikian, responden-responden Melayu lebih rela mengahwini kaum-kaum lain daripada responden-responden Cina. Kehilangan identiti dari kumpulan etnik sendiri serta perasaan-perasaan tidak selamat dalam kumpulan etnik lain boleh menerangkan kenapa ramai responden-responden Cina tidak rela kahwin dengan kaum-kaum lain. Responden-responden Melayu lebih sudi mengahwini kaum-kaum lain kerana melalui 'inter-marriage' mereka tetap mengekalkan identiti dan ugama mereka.

Berbanding dengan responden-responden Melayu, responden-responden Cina lebih rela menerima kaum-kaum lain sebagai teman sebilik/serumah.

4.3 Hubung-kait faktor-faktor latarbelakang dengan pola interaksi para responden

Faktor-faktor latarbelakang yang dikaji adalah:-

- (a) pengalaman hubungan 'interracial' yang lampau.
- (b) jangkamasa pengalaman hubungan 'interracial' yang lampau.
- (c) status sosio-ekonomi.

Dalam proses meneliti ketiga-tiga faktor latarbelakang pengkaji sebenarnya cuba mengaitkan perhubungan antara integrasi awal dengan interaksi semasa. Integrasi awal para responden akan bergantung kepada analisis ketiga-tiga faktor latarbelakang ini. Pengkaji akan menggunakan cara analisis Raymond Lee dalam mana beliau cuba membuktikan adanya

perhubungan sebab-musabab antara integrasi awal dengan interaksi semasa dan arah manakah perhubungan itu mengambil.

4.3.1 Pengalaman 'interracial' lampau

Soalan-soalan yang ditanya adalah berkaitan dengan kawan-kawan responden semasa kanak-kanak lagi serta aliran persekolahan rendah mereka.

Responden Melayu

Jadual 4.7 Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak di kalangan interaktor-interaktor Melayu sederhana dan rendah

Tingkat interaksi responden-responden Melayu dengan kawan-kawan kaum lain	Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak		Jumlah	
	Ya	Tidak	%	N=16
Sederhana	4(100%)	-	100	4
Rendah	8(67%)	4(33%)	100	12

Dari jadual 4.7 didapati keempat-empat (100%) daripada interaktor-interaktor Melayu sederhana pernah bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak berbanding dengan hanya 8 (67%) daripada interaktor-interaktor rendah.

Jadual 4.8 Aliran persekolahan rendah interaktor-interaktor Melayu sederhana dan rendah

Tingkat interaksi responden-responden Melayu dengan kawan-kawan kaum lain	Aliran persekolahan rendah		Jumlah	
	Kebangsaan	Aliran lain	%	N = 16
Sederhana	3 (75%)	1 (25%)	100	4
Rendah	12 (100%)	-	100	12

100% daripada responden-responden Melayu dari kedua-dua golongan interaktor-interaktor sederhana dan rendah berpengalaman belajar di jenis-jenis sekolah yang memberikan mereka peluang untuk terdedah pada kaum-kaum lain. Kebanyakan daripada mereka belajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan manakala 1 (25%) daripada interaktor sederhana pernah belajar di sekolah rendah aliran Cina.

Responden Cina

Jadual 4.9 Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak di kalangan interaktor-interaktor Cina sederhana dan rendah

Tingkat interaksi responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak		Jumlah	
	Ya	Tidak	%	N = 34
Sederhana	5 (83%)	1 (17%)	100	6
Rendah	21 (75%)	7 (25%)	100	28

5 (83%) daripada para interaktor Cina sederhana pernah bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak berbanding dengan 21 (75%) daripada interaktor-interaktor Cina yang rendah.

Jadual 4.10 Aliran persekolahan rendah interaktor-interaktor Cina sederhana dan rendah

Tingkat interaksi responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Aliran persekolahan rendah		Jumlah	
	Kebangsaan	Aliran lain	%	N=34
Sederhana	5 (83%)	1 (17%)	100	6
Rendah	20 (71%)	8 (29%)	100	28

Aliran lain dalam jadual ini merujuk kepada aliran persekolahan rendah Cina. 5(83%) daripada interaktor Cina sederhana menghadiri sekolah rendah jenis kebangsaan berbanding dengan 20 (71%) dari interaktor rendah. Ini bermakna lebih banyak mereka dari golongan interaktor rendah iaitu sebanyak 8 (29%) orang menerima pelajaran aliran Cina. Implikasi di sini adalah bahawa mereka yang menghadiri sekolah rendah Cina hanya berpeluang berinteraksi dengan kaum-kaum lain di peringkat sekolah menengah saja.

Responden India

Jadual 4.11 Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak di kalangan interaktor-interaktor India tinggi dan sederhana

Tingkat interaksi responden-responden India dengan kawan-kawan kaum lain	Pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain masa kanak-kanak		Jumlah
	Ya	Tidak	% N=10
Tinggi	2 (100%)	-	100 2
Sederhana	8 (100%)	-	100 8

Merujuk kepada jadual di atas kesemua responden-responden India sama ada dari golongan interaktor tinggi atau sederhana pernah bermain dengan rakan-rakan dari kaum-kaum lain sewaktu kecil dulu.

Jadual 4.12 Aliran persekolahan rendah interaktor-interaktor India tinggi dan sederhana

Tingkat interaksi responden-responden India dengan kawan-kawan kaum lain	Aliran persekolahan rendah		Jumlah
	Kebangsaan	Aliran lain	% N=10
Tinggi	2 (100%)	-	100 2
Sederhana	8 (100%)	-	100 8

Berbeza dengan responden-responden Cina di mana terdapat di kalangan mereka yang menerima pelajaran aliran Cina, tidak terdapat seorang pun daripada responden-responden India sama ada dari golongan interaktor tinggi atau sederhana yang terdapat pelajaran dalam aliran lain selain daripada aliran kebangsaan.

Kesimpulan

Terbuktilah ada serba sedikit kaitan di antara tingkat interaksi para responden dengan pengalaman 'interracial' lepas terutama dari segi interaksi mereka dengan kaum-kaum lain semasa kanak-kanak. Kecuali dalam kes responden-responden Cina tidak terdapat kaitan pula antara tingkat interaksi seseorang responden Melayu/India dengan aliran persekolahan rendahnya.

4.3.2 Jangkamasa pengalaman 'interracial' lampau

Pengkaji akan melihat:-

- (i) jangkamasa penempatan seseorang dalam suatu jiran perkampungan yang pelbagai ras.
- (ii) tempuh masa kehadiran seseorang dalam sekolah rendah.

Responden Melayu

Jadual 4.13 Jangkamasa penempatan responden-responden Melayu dalam jiran perkampungan pelbagai ras.

Tingkat interaksi responden-responden Melayu dengan kawan-kawan kaum lain	Jangkamasa penempatan seseorang dalam jiran perkampungan yang pelbagai ras				Jumlah	
	Tidak pernah	Kurang 1 tahun	1- 5 tahun	Lebih 5 tahun	%	N=16
Sederhana	-	1 (25%)	2 (50%)	1 (25%)	100	4
Rendah	6 (50%)	-	2 (17%)	4 (33%)	100	12

Daripada jadual di atas, didapati setengah daripada interaktor Melayu sederhana pernah menetap dari jangkamasa 1 - 5 tahun dan seorang (25%) pula lebih 5 tahun di jiran perkampungan yang pelbagai ras. Manakala 6 (50%) daripada interaktor Melayu rendah tidak pernah berjiran dengan mereka dari kaum lain. Implikasi di sini ialah sebahagian besar daripada interaktor rendah tidak terdedah pada cara hidup kaum-kaum lain.

Majoriti daripada responden-responden Melayu sama ada dari golongan interaktor sederhana atau rendah menerima pelajaran di sekolah rendah kebangsaan dalam suatu tempuh masa melebihi 5 tahun. 1 (25%) yang lain daripada interaktor sederhana juga pernah belajar lebih dari 5 tahun di sekolah aliran Cina.

Jadual 4.14 Tempuh masa kehadiran responden-responden Melayu dalam sekolah rendah

Tingkat interaksi responden-responden Melayu dengan kawan-kawan kaum lain	Tempuh masa kehadiran dalam sekolah rendah						Jumlah	
	Sekolah Kebangsaan			Aliran-aliran Lain				
	Kurang 1 tahun	1 - 5 tahun	lebih 5 tahun	Kurang 1 tahun	1 - 5 tahun	Lebih 5 tahun	%	N=16
Sederhana	-	-	3 (75%)	-	-	1 (25%)	100	4
Rendah	-	-	12 (100%)	-	-	-	100	12

Responden Cina

Jadual 4.15 Jangkamasa penempatan responden-responden Cina dalam jiran perkampungan yang pelbagai ras

Tingkat interaksi responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Jangkamasa penempatan seseorang dalam jiran perkampungan yang pelbagai ras				Jumlah	
	Tidak pernah	Kurang 1 tahun	1 - 5 tahun	Lebih 5 tahun	%	N= 34
Sederhana	-	1 (17%)	3 (50%)	2 (33%)	100	6
Rendah	15(54%)	4 (14%)	7 (25%)	2 (7%)	100	28

Daripada interaktor-interaktor Cina sederhana yang ditemuduga didapati 3 (50%) pernah dari tempuh masa 1 - 5 tahun dan 2 (33%) pula lebih dari 5 tahun berjirankan dengan mereka daripada kaum-kaum lain. Manakala sebanyak 15 (54%) daripada interaktor rendah tidak pernah menetap di suatu jiran perkampungan pelbagai ras.

Jadual 4.16 Tempuh masa kehadiran responden-responden Cina dalam sekolah rendah

Tingkat Interaksi responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Tempuh masa kehadiran dalam sekolah rendah						Jumlah	
	Sekolah Kebangsaan			Aliran-aliran lain			%	N=34
	Kurang 1 tahun	1-5 tahun	Lebih 5 tahun	Kurang 1 tahun	1-5 tahun	Lebih 5 tahun		
Sederhana	-	-	5 (83%)	-	-	1 (17%)	100	6
Rendah	-	-	20(71%)	-	-	8 (29%)	100	28

Berdasar pada jadual 4.15 terdapat hanya 1 (17%) daripada para interaktor sederhana dan 8 (29%) interaktor rendah, yang menerima keseluruhan daripada pelajaran rendah mereka di sekolah aliran Cina. Walaupun dari segi jumlah peratusan, mereka yang belajar di sekolah-sekolah Cina dalam tempuh masa lebih daripada 5 tahun adalah lebih di kalangan interaktor rendah daripada interaktor sederhana, namun demikian, perbezaan mereka adalah tidak nyata.

Responden India

Jadual 4.17 Jangkamasa penempatan responden-responden India dalam jiran perkampungan pelbagai ras.

Tingkat interaksi responden-responden India dengan kawan-kawan kaum lain	Jangkamasa penempatan seseorang dalam jiran perkampungan yang pelbagai ras				Jumlah	
	Tidak pernah	Kurang 1 tahun	1 - 5 tahun	Lebih 5 tahun	%	N=10
Tinggi	-	-	-	2 (100%)	100	2
Sederhana	-	2 (20%)	4 (50%)	2 (20%)	100	8

100% daripada para interaktor India tinggi pernah berjirankan dengan mereka dari kaum-kaum lain selama lebih 5 tahun. Di kalangan interaktor sederhana pula, sebanyak 4 (50%) daripada jangkamasa 1 - 5 tahun dan 2 (20%) dalam tempuh masa melebihi 5 tahun pernah menetap di jiran perkampungan pelbagai ras.

Dari segi tempuh masa kehadiran responden-responden India di sekolah rendah, didapati semua daripada mereka (tidak kira interaktor tinggi ataupun sederhana) memperolehi pelajaran rendah selama lebih 5 tahun di sekolah-sekolah kebangsaan.

Kesimpulan

Secara kesimpulan semakin panjangnya jangkamasa pengalaman 'interracial' seseorang responden semakin tinggi interaksinya dengan kaum-kaum lain. Terutamanya jika dilihat dari segi lamanya pendedahan seseorang kepada kaum-kaum lain dalam suatu jiran perkampungan yang sama. Seseorang yang sudah lamanya tinggal kejiranan dengan kaum-kaum lain biasanya dengan lama-kelamaan menjadi lebih tolerant, lebih rela menerima cara hidup mereka serta sudi memasuki perhubungan-perhubungan sosial dengan kaum-kaum lain berbanding dengan seseorang yang tidak pernah ataupun hanya tinggal di suatu jiran perkampungan pelbagai ras untuk suatu jangkamasa yang pendek.

4.3.3 Status sosio-ekonomi responden

Soalan-soalan yang bersabit dengan keadaan status sosio-ekonomi responden-responden telah ditanya. Mereka adalah:-

- (i) tingkat pelajaran ibubapa.
- (ii) pekerjaan ibubapa.
- (iii) pendapatan ibubapa.

Ukuran kedudukan sosio-ekonomi seseorang responden akan dibuat dari sebelah bapanya. Walaupun masakini, sistem keluarga egalitarian banyak diamalkan di kawasan-kawasan urban di Malaysia, sibapa masih

muncul sebagai penyara utama sesebuah keluarga. Pengkaji telah mengukur status sosio-ekonomi keenam-enam responden yang mana kedua-dua ibubapa mereka telah bersara, berdasarkan kepada pekerjaan-pekerjaan akhir bapa mereka.

Pengkaji telah menggunakan jadual penyusunan pekerjaan-pekerjaan mengikut pangkat dan min tahunan pelajaran yang digubah oleh Riaz Hassan yang telah juga digunakan oleh Raymond Lee dalam kajiannya. Namun demikian, jadual itu adalah agak kebelakangan masa terutamanya matlumut mengenai min tahunan pelajaran yang diambil dalam tahun-tahun 1960, maka pengkaji telah mengubahsuaikan jadual tersebut mengikut keadaan semasa. (sila rujuk ke Lampiran C). Jenis pekerjaan serta min tahunan pelajaran akan menentukan keadaan sosio-ekonomi responden-responden.

Klas-klas sosial I - V seterusnya digolongkan dalam kategori-kategori seperti berikut:-

Klas sosial	Status sosio-ekonomi
I - II	UM - M
III - V	ML - L

UM - Upper Middle

ML - Middle Lower

M - Middle

L - Lower

Mereka dari golongan status sosio-ekonomi UM - M biasanya didapati dalam lingkungan pendapatan sebulan \$1000 atau \$1000 ke atas manakala mereka dari ML - L memperolehi pendapatan purata sebulan \$999 atau \$999 ke bawah.

Responden Melayu

Jadual 4.18 Status sosio-ekonomi interaktor-interaktor Melayu sederhana dan rendah

Pangkat interaksi responden-responser Melayu dengan kawan-kawan kaum lain	Status sosio-ekonomi		Jumlah	
	UM - M	ML - L	%	N=16
Sederhana	1 (25%)	3 (75%)	100	4
Rendah	3 (25%)	9 (75%)	100	12

Merujuk kepada jadual 4.3.12 didapati jumlah peratusan mereka yang berada dalam status sosio-ekonomi UM - M dan ML - L di kalangan interaktor-interaktor Melayu sederhana dan rendah adalah sama.

Responden Cina

Jadual 4.19 Status sosio-ekonomi interaktor-interaktor Cina sederhana dan rendah

Peringkat interaksi responden-responden Cina dengan kawan-kawan kaum lain	Status sosio-ekonomi		Jumlah	
	UM - M	ML - L	%	N=34
Sederhana	3 (50%)	3 (50%)	100	6
Rendah	10 (36%)	16 (57%)	100	28

Dari kalangan interaktor-interaktor Cina sederhana, separuh daripada mereka adalah terletak di bawah status sosio-ekonomi UM - M manakala separuh yang lain pula adalah dalam lingkungan ML - L. Di kalangan interaktor-interaktor rendah pula, 16 (57%) dari mereka berada dalam status sosio-ekonomi ML - L. Walaupun jumlahnya mungkin tidak sebanyak berbanding dengan interaktor-interaktor sederhana, namun, terdapat sebanyak 10 (36%) daripada para interaktor rendah yang tergolong dalam status sosio-ekonomi UM - M.

Responden India

Jadual 4.20 Status sosio-ekonomi interaktor-interaktor India tinggi dan sederhana

Peringkat interaksi responden-responden India dengan kawan-kawan kaum lain	Status sosio-ekonomi		Jumlah	
	UM - M	ML - L	%	N=10
Tinggi	1 (50%)	1 (50%)	100	2
Sederhana	3 (38%)	5 (62%)	100	8

Terdapat sekali lagi suatu kecenderungan untuk responden-responden yang lebih tinggi interaksinya berada dalam status sosio-ekonomi UM - M. Dalam kes responden India pula, (50%) daripada interaktor tingginya adalah dalam status sosio-ekonomi UM - M berbanding dengan hanya 3 (38%) daripada interaktor rendah. Namun demikian, terdapat juga 50%, yang lain dari golongan interaktor tinggi yang berada dalam status sosio-ekonomi ML - L walaupun tidak sebanyak interaktor rendah (62%).

Kesimpulan

Adalah diandaikan bahawa semakin tinggi status sosio-ekonomi seseorang responden, semakin tinggi peringkat interaksinya kerana beliau adalah terdedah pada pengaruh-pengaruh ibubapa yang lebih liberal. Lebih tingginya status sosio-ekonomi seseorang bererti juga lebih tingginya tingkat pelajaran ibubapa. Biasanya terdapat pendapat umum yang

mengatakan bahawa lebih banyak pelajaran yang diterima seseorang, lebih liberal dan toleraninya terhadap kaum-kaum lain. Ibubapa yang berpelajaran lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan.

Daripada analisis ketiga-tiga jadual status sosio-ekonomi responden-responden, bolehlah dilihat sama ada pendapat mengenai peranan status sosio-ekonomi sebagai penentu tingkat interaksi seseorang itu benar atau tidak.

Terdapat sedikit perbezaan antara status sosio-ekonomi para interaktor yang lebih tinggi dengan yang lebih rendah dalam satu kaum yang sama. Mereka dari status sosio-ekonomi UM - M terdapat dalam kedua-dua kategori interaktor itu dan begitu juga dengan status ML - L. Dalam kes responden Melayu pula, mereka dalam status sosio-ekonomi ML - L adalah lebih banyak daripada jumlah mereka yang jatuh dalam kategori UM - M.

Maka di sini, bolehlah disimpulkan bahawa keadaan status sosio-ekonomi tidaklah merupakan faktor penentu baik interaksi seseorang. Walaupun dalam kes responden Cina dan India di mana terdapatnya kecenderungan lebih banyak mereka dalam status sosio-ekonomi UM - M di kalangan para interaktor yang lebih tinggi dengan yang lebih rendah, namun demikian, perbezaannya kecil saja. Seseorang bapa yang berpelajaran ataupun mempunyai pekerjaan yang tinggi pendapatannya tidak semestinya bersikap lebih liberal daripada mereka yang kurang berpelajaran dan bekerja sebagai buruh kasar. Misalnya, seseorang pekerja kolar biru

yang berpelajaran rendah mungkin berpeluang berinteraksi serta bergaul rapat dengan pekerja-pekerja kaum-kaum lain disebabkan oleh sifat pekerjaannya.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan kepada semua analisis-analisis yang telah dibuat, bolehlah disimpulkan bahawa adanya perhubungan 'causal' di antara integrasi dengan interaksi seseorang. Dalam kes kajian ini, didapati adanya suatu rangkaian perhubungan 'causal' seperti yang ditunjukkan di bawah:-

Integrasi awal $\longrightarrow$ Interaksi Semasa $\longrightarrow$ Toleransi sosial

Integrasi awal terbentuk akibat daripada faktor-faktor pengalaman dan jangkamasa pengalaman 'interracial' lepas serta status sosio-ekonomi seseorang. Di antara faktor-faktor ini, faktor pengalaman bermain dengan kawan-kawan kaum lain semasa kanak-kanak serta jangkamasa pengalaman seseorang itu dalam jiran perkampungan yang pelbagai kaum adalah merupakan penentu-penentu yang paling baik untuk interaksi seseorang.

Keputusan daripada analisis-analisis perhubungan causal antara integrasi dan interaksi memperbuktikan lagi kesimpulan daripada kajian Sarjana Raymond Lee.

Berbalik kepada perhubungan 'causal' tadi, itu bermakna darjah integrasi awal akan mempengaruhi darjah interaksi semasa serta darjah toleransi sosial seseorang. Misalnya, semakin tinggi integrasi awal

seseorang responden, semakin tinggi juga interaksi semasanya dan semakin toleran dia terhadap kaum-kaum lain.

Perhubungan 'causal' sedemikian juga adalah merupakan perhubungan integrasi-interaksi cara 'reflexive conversion' (sepertimana yang telah dibincang dalam Bab 2). Menurut Raymond Lee, perhubungan itu tidak semestinya licin kerana disebabkan oleh faktor-faktor seperti peribadi ataupun 'situational'. Walaubagaimanapun, faktor-faktor ini tidak akan dikaji dalam penyelidikan ini.

BAB V

SISTEM PELAJARAN KEBANGSAAN DAN INTEGRASI: SUATU PENELITIAN EMPIRIS BERDASARKAN REAKSI RESPONDEN-RESPONDEN

Dalam bahagian kedua analisis kajian ini, pengkaji akan melihat:

- (a) keberkesanan Sistem Pelajaran Kebangsaan sebagai ejen integrasi pelajar-pelajar.
- (b) pilihan nasional atau identiti etnik para responden.

5.1 Peranan Bahasa Malaysia

Sepertimana yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah-sekolah telah dicadangkan sebagai tujuan muktamad dalam evolusi Sistem Pelajaran Kebangsaan. Satu bahasa yang sama adalah merupakan suatu keperluan yang penting terutama dalam masyarakat plural seperti Malaysia kerana ia akan membekalkan suatu cara komunikasi yang lebih baik dan lebih berkesan, satu identiti yang sama dan akhirnya, perpaduan.

Walaupun terdapat usaha-usaha untuk menegaskan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah, namun penggunaannya didapati adalah hanya terbatas di dalam bilik darjah saja, iaitu semasa guru-guru mengajar. Ini disebabkan tidak ada pengukuhan dan penggunaan Bahasa Malaysia di luar kelas. Analisis seterusnya akan menyokong kenyataan ini.

5.1.1 Keutamaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi di kalangan responden-responden

Pengkaji telah menyuruh para responden menyenaraikan tiga jenis bahasa atau loghat berdasarkan pada keutamaan penggunaan mereka di sekolah.

Responden Melayu

Merujuk kepada jadual 5.1 dapatlah disimpulkan bahawa 100% responden-responden Melayu menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi utama mereka dan Bahasa Inggeris pula sebagai bahasa komunikasi kedua. Hanya 3 (18%) daripada mereka yang memberikan tiga jenis bahasa/loghat lain sebagai bahasa komunikasi mereka yang ketiga.

Responden Cina

Sebagai bahasa percakapan harian mereka yang utama di sekolah sebanyak 29 (85%) responden-responden telah memilih Bahasa Inggeris, 4 (12%) dialek Kantonis dan 1 (3%) pula Bahasa Cina. 18 (53%) responden telah meletakkan dialek Kantonis sebagai bahasa komunikasi mereka yang kedua manakala 11 (32%) menggunakan Bahasa Malaysia dan seorang (3%) bagi tiap-tiap Bahasa Cina dan dialek Hakka. Untuk bahasa komunikasi mereka yang ketiga, sebanyak 18 (53%) memberikan Bahasa Malaysia diikuti pula dengan 6 (18%) responden bagi tiap-tiap Bahasa Cina dan dialek Kantonis.

Jadual 5.1 Tiga jenis bahasa/loghat yang sering digunakan oleh responden-responden di sekolah

Jenis-jenis bahasa/loghat yang biasa digunakan	Pembahagian responden-responden kepada kaum-kaum			Keutamaan penggunaan bahasa/loghat
	Melayu (N=16)	Cina (N=34)	India(N=10)	
Bahasa Malaysia	16 (100%) - -	- 11 (32%) 19 (56%)	2 (20%) 6 (60%) 2 (20%)	1 2 3
Bahasa Inggeris	- 16 (100%) -	29 (85%) 3 (9%) 2 (6%)	8 (80%) 2 (20%) -	1 2 3
Bahasa Cina	- - -	1 (3%) 1 (3%) 6 (18%)	- - -	1 2 3
Bahasa Tamil	- - 1 (6%)	- - -	- 2 (20%) 3 (30%)	1 2 3
Kantonis	- - 1 (6%)	4 (12%) 18 (53%) 6 (18%)	- - 2 (20%)	1 2 3
Hokkien	- - -	- - 1 (3%)	- - -	1 2 3
Hakka	- - -	- 1 (3%) -	- - -	1 2 3
Lain-lain	- - 1 (6%)	- - -	- - 1 (10%)	1 2 3

Responden India

Seramai 8 (80%) dari responden India menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa percakapan harian mereka di sekolah diikuti pula dengan 2 (20%) yang memakai Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia menduduki bahasa komunikasi yang kedua pentingnya di kalangan 6 (60%) responden berbanding dengan kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil yang hanya mendapat 2 (20%) pengguna bagi tiap-tiap satu. Hanya 3 (30%) yang meletak Bahasa Tamil sebagai bahasa percakapan mereka yang ketiga penting manakala terdapat 2 (20%) responden bagi tiap-tiap pengguna Bahasa Malaysia atau dialek Kantonis.

Di bawah adalah jadual yang memberikan suatu gambaran yang lebih jelas tentang peratusan terbesar responden-responden yang memilih bahasa/loghat yang berkenaan sebagai bahasa komunikasi mereka yang terpenting, kedua penting dan ketiga penting di sekolah.

Jadual 5.2 Peratusan terbesar responden-responden yang memilih bahasa/loghat tertentu sebagai bahasa komunikasi mereka yang pertama, kedua dan ketiga pentingnya di sekolah

Jenis bahasa/loghat yang biasa digunakan	Pembahagian responden-responden kepada kaum-kaum		
	Melayu	Cina	India
Bahasa Malaysia	1 (100%)	3 (56%)	2 (60%)
Bahasa Inggeris	2 (100%)	1 (85%)	1 (80%)
Bahasa Cina	-	-	-
Bahasa Tamil	3 (6%)	-	3 (30%)
Dialek Kantonis	3 (6%)	2 (50%)	-
Dialek Hokkien	-	-	-
Dialek Hakka	-	-	-
Lain-lain	3 (6%)	-	-

Kesimpulan

Kerana bahasa pengantar utama di semua sekolah-sekolah adalah merupakan bahasa ibunda kaum Melayu, maka, adalah 'natural' bagi keseluruhan responden-responden Melayu memakainya sebagai bahasa komunikasi mereka yang terpenting. Bahasa Inggeris hanya dipakai oleh kebanyakan daripada mereka apabila berkomunikasi dengan kawan-kawan bukan Melayu.

Bahasa Malaysia di kalangan responden-responden Cina tidak mendapat keutamaan sebagai bahasa komunikasi mereka yang terpenting dan kedua penting di sekolah. Sebaliknya, Bahasa Inggeris dan dialek Kantonis adalah lebih popular. Bahasa Malaysia hanya muncul sebagai bahasa percakapan ketiga mereka yang terpenting. Itupun hanya terbatas di waktu-waktu guru-guru mengajar ataupun apabila bercakap dengan rakan-rakan Melayu yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris.

Maka, pengukuhan dan penerusan penggunaan bahasa ini tidak digalakkan. Ini mungkin kerana mereka merasa ganjil berkomunikasi dengan kaum sendiri di sekolah dalam Bahasa Malaysia. Kebiasaannya apabila pelajar-pelajar Cina jumpa atau kelompok bersama, mereka lebih cenderung berkomunikasi sesama diri dengan menggunakan Bahasa Inggeris dan dialek-dialek mereka. Lebih-lebih lagi apabila mereka bercakap dengan keluarga mereka. Ketiadaan penyambungan antara proses pembelajaran Bahasa Malaysia di kelas dengan penggunaannya sehari-harian menjadikannya sukar untuk dikuasai.

Sikap ibubapa juga adalah antara sebab-sebab kenapa mereka jarang berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Masyarakat Cina kurang memberi dorongan kepada anak-anak mereka untuk menguasai Bahasa Malaysia dengan sebaik-baiknya. Matapelajaran ini hanya dipelajari sebagai melepaskan batuk di tangga. Ia dianggap sebagai satu mata-pelajaran peperiksaan yang wajib bagi mereka untuk lulus saja.

Walaupun Bahasa Inggeris merupakan bahasa percakapan yang paling popular di kebanyakan responden-responden India, namun, Bahasa Malaysia juga sering dipakai sehingga ia menjadi bahasa komunikasi mereka yang kedua penting. Bahasa Tamil tidak begitu sering digunakan oleh responden-responden India.

5.1.2 Pencapaian responden-responden dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM

Analisis pencapaian responden-responden Melayu, Cina dan India dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM boleh memberi suatu gambaran kasar tentang mutu pencapaian tiap-tiap kaum. Ada pendapat yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar Melayu dapat mencapai keputusan yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar kaum Cina dan India kerana sudah biasa dengan pemakaian Bahasa Malaysia. Analisis jadual seterusnya akan membuktikan kebenaran pendapat ini.

Keputusan dikira dari poin 1 ke 6 dalam sebarang matapelajaran di peringkat SPM. Pengkaji telah membahagikan poin-poin itu kepada empat bahagian iaitu, kepujian (1 - 2), kredit (3 - 6), lulus (7 - 8) dan gagal (9). Gagal tidak diambilkira kerana mengikuti satu syarat

kemasukan Tingkatan Enam ialah seseorang pelajar itu mesti lulus Bahasa Malaysia sekurang-kurangnya dengan kredit di peringkat SPM.

Jadual 5.3 Keputusan Bahasa Malaysia responden-responden di peringkat SPM

Pembahagian poin-poin SPM kepada 4 bahagian	Pembahagian responden-responden kepada kaum-kaum		
	Melayu	Cina	India
Kepujian (1, 2)	3 (19%)	—	—
Kredit (3 - 6)	12 (75%)	22 (65%)	9 (90%)
Lulus (7, 8)	1 (6%)	12 (35%)	1 (10%)
Gagal (9)	—	—	—
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Daripada 60 responden yang telah diinterbiu hanya 3 (19%) saja daripada responden Melayu yang berjaya memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia. Kategori kelulusan yang paling banyak dicapai oleh para responden adalah kredit. Sebanyak 9 (90%) daripada responden India dan 22 (65%) responden Cina menduduki kategori kelulusan kredit. Di peringkat lulus pula, responden Cina sebanyak 12 (35%) orang membentuk jumlah yang tertinggi diikuti pula dengan hanya seorang (10%) daripada responden India.

Berdasar pada analisis jadual 5.3 di atas, bolehlah disimpulkan bahawa pendapat-pendapat mengenai pencapaian responden-responden Melayu dan responden-responden kaum lain ada sedikit kebenarannya. Namun demikian, ini tidak boleh dianggap sebagai keputusan muktamad kerana

sampel kajian terlalu kecil.

5.1.3 Pendapat responden-responden tentang penggunaan Bahasa Malaysia secara wajib dalam pertuturan harian murid-murid sekolah

Memandangkan kepada kelemahan pelajar-pelajar bukan Melayu dalam Bahasa Malaysia, banyak percubaan telah dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki lagi mutu Bahasa Malaysia mereka. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah pengambilan guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih dan pengubahsuaian buku-buku teks matapelajaran ini agar pengajarannya menjadi lebih menarik.

Namun demikian, pembelajaran sesuatu bahasa memerlukan latihan. Untuk menguasai satu bahasa yang berlainan dari bahasa ibunda memanglah susah. Kalau tidak ada penyambungan dari pembelajaran Bahasa Malaysia di dalam bilik darjah dengan penggunaannya di luar kelas, maka, kefasihan dalam bahasa ini amat sukar dicapai.

Pada pendapat pengkaji antara satu cara yang paling berkesan dalam membantu pelajar-pelajar bukan Melayu mengatasi masalah komunikasi mereka ialah mewajibkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pertuturan harian murid-murid sekolah.

Pengkaji telah memperolehi pendapat responden-responden atas cadangan ini. Empat alternatif jawapan iaitu setuju, tidak setuju, tidak tahu dan tidak kisah telah diberi kepada mereka.

Jadual 5.4 Reaksi responden-responden terhadap cadangan untuk mewajibkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pertuturan harian di sekolah

Jawapan-jawapan responden	Pembahagian responden mengikut kaum		
	Melayu	Cina	India
Setuju	15 (94%)	19 (56%)	7 (70%)
Tidak setuju	1 (6%)	10 (29%)	3 (30%)
Tidak tahu	-	3 (9%)	-
Tidak kisah	-	2 (6%)	-
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Merujuk kepada jadual di atas, bolehlah diaktakan bahawa sebahagian besar daripada para responden iaitu 15 (94%) pelajar-pelajar Melayu, 7 (70%) pelajar-pelajar India dan 19 (56%) pelajar-pelajar Cina setuju atas cadangan ini. Mereka adalah kumpulan yang sedar tentang perlunya satu bahasa komunikasi yang 'common' di sekolah untuk mengeratkan lagi perhubungan sosial antara pelajar-pelajar berbagai kaum.

Secara ringkasnya, dalam bahagian 5.1.1 ini dapatlah disimpulkan bahawa selain daripada responden-responden Melayu dan India, responden-responden Cina jarang sekali berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Lebih-lebih lagi jika seseorang pelajar itu datang dari sekolah rendah aliran Cina di mana Bahasa Cina adalah merupakan bahasa komunikasi mereka yang utama. Dia akan menghadapi masalah bercakap dalam Bahasa Malaysia bila ke sekolah menengah nanti. Kurangnya penegasan dalam pengajaran dan penggunaan Bahasa Malaysia akan menjejaskan lagi mutu percakapan dan

tulisan mereka. Di samping itu sikap kedua-dua ibubapa perlu diambil. Hanya melalui 'paksaan' iaitu dengan mewajibkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam pertuturan harian di sekolah, diyakini dapat membantu menyelesaikan masalah bahasa mereka. Ia juga mengurangkan kecenderungan pelajar-pelajar berdampingan dengan mereka yang sekaum dengannya.

5.2 Peranan Sivik

Pengajaran Sivik dan Rukunegara (ideologi nasional) telah diwajibkan dalam semua sekolah-sekolah rendah dan menengah. Objektif utama pendidikan Sivik ialah:

"... untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cintakan negara, sifat bertimbang rasa dan toleransi, sikap berdikari, jayadiri dan semangat mahu dan sanggup memahami masalah-masalah masyarakat serta bersedia untuk bertindak atau melibatkan diri bagi menyelesaikan masalah-masalah itu".

(Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan
Dasar Pelajaran, 1979: 73)

Satu daripada objektif-objektif sukatan matapelajaran Sivik adalah memupuk perasaan timbang-rasa terhadap mereka dari asal-usul ras dan kepercayaan-kepercayaan yang berbeza. Secara ringkasnya, isikandungan matapelajaran Sivik meliputi aspek-aspek perhubungan manusia seperti hormat menghormati mereka yang lebih tua, bertolak-ansur di antara satu sama lain tanpa kira ras di samping mengandungi matlumat-matlumat penting mengenai negara seperti sistem perundangan Malaysia serta sejarah sepintas lalu mengenai peristiwa-peristiwa penting yang membawa kepada kemerdekaan negara.

Pada hakikatnya, matlamat-matlamat pendidikan Sivik adalah terlalu ideal. Perlaksanaan matlamat tidak dapat mendatangkan hasil-hasil yang menggalakkan dan diharap-harapkan itu. Pendidikan Sivik hari ini didapati kurang memuaskan kerana kelemahan-kelemahan yang akan dibincangkan nanti.

Pengajaran Sivik tidak seharusnya terbatas di masa pengajaran saja tetapi unsur-unsur Sivik sepatutnya juga diserapkan ke dalam pengajaran matapelajaran-matapelajaran lain dan kegiatan ko-kurikulum. Pelajar-pelajar kebanyakannya belajar di bawah 'artificial conditions' iaitu seolah-olah apa yang mereka belajar hanyalah berguna di masa pengajaran Sivik saja dan tidak pula mempunyai apa-apa applikasi praktikal.

Tambahan pula, Sivik bukanlah satu matapelajaran peperiksaan, maka, tidak hairanlah bila pelajar-pelajar menghabiskan pengajian mereka di Tingkatan 5, mereka lebih cenderung melupakan apa yang telah dipelajari di masa-masa kelas Sivik.

5.2.1 Apa yang responden-responden telah mempelajari dari kelas-kelas Sivik yang lepas

Daripada 60 responden yang telah ditemuduga, 45 (75%) masih boleh mengingat apa yang telah diajar manakala 5 (8%) pula kata mereka tidak tahu dan 10 (15%) mengakui bahawa mereka telah lupa apa yang telah diajar.

Di bawah telah disenaraikan antara perkara-perkara yang masih dapat diingati oleh para responden dari kelas-kelas Sivik lampau.

- (i) hal-hal tentang negara Malaysia seperti sistem perundangan dan pentadbiran, simbol-simbol negara serta sejarah kemerdekaan Malaysia.
- (ii) ciri-ciri masyarakat majmuk Malaysia dengan penumpuan kepada aspek-aspek kehidupan tiga kumpulan etnik besar iaitu, Melayu, Cina dan India.
- (iii) beberapa perkara tentang perhubungan manusia seperti bergotong-royong, bersopan dan menghormati orang-orang tua dan juga sesama diri, sikap kejiiran yang baik, kejujuran dan toleransi.
- (iv) tanggungjawab seseorang warganegara Malaysia serta keperluan untuk bekerjasama antara satu sama lain tanpa kira ras demi mengekalkan kestabilan negara.

5.2.2 Pendapat responden-responen tentang pandangan-pandangan negatif yang dikait dengan Sivik

Matapelajaran Sivik sering dikaitkan dengan perkataan-perkataan negatif seperti 'membosankan' dan 'tidak berguna'. Pengkaji telah memberikan empat alternatif jawapan untuk pilihan para responden sebagai penjelasan kenapa Sivik distereotypekan begini.

Jadual 5.5 Sebab-sebab kenapa Sivik sering dikatakan 'tidak berguna' dan 'membosankan'.

Pandangan negatif mengenai Sivik timbul kerana:	Jumlah Responden
Isi matapelajaran tidak menarik	16 (27%)
Sivik bukan matapelajaran peperiksaan	24 (40%)
Guru-guru tidak tahu mengajar	20 (33%)
Guru-guru tidak titikberatkan	-
	60 (100%)

Daripada 60 responden yang telah ditemuduga, 24 (40%) bersetuju bahawa oleh kerana Sivik tidak terkandung dalam sukatan peperiksaan. Maka, ia sering dikatakan tidak berguna dan 'serves no academic purpose'. Kerana ia bukan suatu matapelajaran peperiksaan, ia dianggap tidak penting oleh kedua-dua pihak guru dan murid-murid sekolah. Di setengah-tengah sekolah ia diajar sambil lewa saja.

Bersama dengan jawapan responden-responden ini, diselitkan juga beberapa komen yang jelas mencerminkan sikap negatif para guru dan pelajar-pelajar terhadap Sivik. Antara komen-komen itu ialah:-

- (i) pengajaran Sivik banyak diabaikan kerana masa yang digunakan untuk mengajar biasanya diperuntukkan untuk mengulang-kaji matapelajaran lain.

- (ii) semasa mengajar, guru-guru tidak serius dan terlalu banyak bergurau-senda dengan pelajar-pelajar serta bercakap mengenai perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan Sivik.
- (iii) penegasan yang tidak kuat atas matapelajaran ini menyebabkan banyak murid-murid ponteng kelas.
- (iv) ada satu responden yang memberitahu pengkaji bahawa dia tidak tahu apa yang diajar di masa kelas Sivik kerana dia tidak pernah menghadiri kelas-kelas itu.

20 (33%) orang pula menyalahkan pihak guru yang tidak tahu mengajar. Sikap serta kemahiran guru penting untuk melahirkan minat dari pelajar-pelajar terhadap matapelajaran ini. 16 (27%) yang lain pula kata isi matapelajaran Sivik adalah tidak menarik. Sivik bukanlah suatu matapelajaran yang senang diajar. Guru-guru dari pusat-pusat latihan perguruan tidak diajar cara-cara yang lebih berkesan untuk menyampaikan isikandungan Sivik kepada para pelajar. Cara pengajaran Sivik biasanya tidak diberi banyak perhatian kerana ia merupakan subjek minor berbanding dengan matapelajaran-matapelajaran utama seperti Bahasa Malaysia dan Ilmu Alam.

Walaupun isikandungan Sivik tidak menarik, namun, ada beberapa cara di mana seseorang guru matapelajaran ini boleh menimbulkan minat para pelajar. Dalam bahagian seterusnya pengkaji telah memperolehi beberapa cadangan yang menarik daripada para responden.

5.2.3 Cadangan-cadangan untuk memperbaiki mutu
pengajaran Sivik oleh para responden

Sebanyak 7 (12%) responden yang mengatakan bahawa jika sebarang perubahan yang hendak dibuat atas masalah mutu pengajaran Sivik, maka, ia hendaklah terlebih dulu dituju ke arah guru yang mengajar. Guru-guru yang lebih berdedikasi, pandai mengajar dan menghidupkan suasana bilik darjah adalah mereka yang boleh mengajar Sivik dengan memuaskan. 53 (88%) yang lain telah memberikan cadangan-cadangan mereka untuk memperbaiki mutu atau cara mengajar agar menjadi lebih menarik.

Mereka adalah:-

- (i) buku teks jangan digunakan tetapi sebaliknya, projek-projek luar bilik darjah diperkenalkan di mana semua pelajar-pelajar boleh melibatkan diri seperti lawatan-lawatan ke tempat bersejarah ataupun kempen membersih sekolah.
- (ii) adakan diskusi-diskusi terbuka mengenai topik-topik yang terpilih.
- (iii) adakan kuiz-kuiz antara kelas.
- (iv) menggalakkan pelajar-pelajar mengadakan lakunan-lakunan untuk menyampaikan sesuatu mesej yang mempunyai unsur-unsur Sivik.
- (v) menggunakan 'slides', 'projector' dan 'transparencies' bila mengajar.
- (vi) untuk menggalakkan lagi partisipasi para pelajar semasa mengajar, dicadangkan adakan satu gred untuk menunjukkan sejauhmanakah penglibatan pelajar-pelajar dalam tiap-tiap matapelajaran.

Penulisan surat akuan (testimonial) tiap-tiap pelajar dicadangkan juga dengan berpandukan kepada penglibatannya dalam kelas.

5.2.4 Beberapa syor yang telah diberi oleh para responden untuk menjadikan Sivik sepenting matapelajaran-matapelajaran lain

Walaupun pengkaji tidak menyuruh responden-responden memberikan syor-syor untuk menaikkan 'status' Sivik supaya menjadi sepenting matapelajaran-matapelajaran lain, namun, ada beberapa di antara mereka yang memberikan cadangan-cadangan itu.

Antara daripada cadangan-cadangan yang didapati sering timbul ialah:-

- (i) adakan satu ujian pengetahuan am pada penghujung tiap tiap penggal gred-gred akan diberi untuk menunjukkan pencapaian masing-masing dalam peperiksaan tetapi gred-gred itu janganlah mempengaruhi jumlah mutlak keputusan akhir pelajar.
- (ii) tambahkan waktu pengajaran Sivik.
- (iii) mewajibkan Sivik dalam syllabus peperiksaan peringkat SRP, SPM dan STPM.

5.2.5 Reaksi para responden atas cadangan untuk mewajibkan Sivik dalam sukatan peperiksaan

Diandaikan bahawa hanya melalui cara ini, guru-guru Sivik akan menjadi lebih berdedikasi dan mengajar dengan bersungguh-sungguh manakala para pelajar akan memperuntukkan jumlah masa yang sama banyak untuk mengulangkaji subjek ini sepertimana yang dibuat dengan subjek-

subjek lain. Apakah pendapat para responden pula mengenai cadangan ini?

Jadual 5.6 Reaksi responden-responden kepada cadangan untuk memasukkan Sivik dalam sukatan peperiksaan

Pendapat para responden	Jumlah responden
Setuju	25 (42%)
Tidak setuju	29 (48%)
Tidak kisah	3 (5%)
Tidak tahu	3 (5%)
	60 (100%)

Reaksi daripada para responden terhadap cadangan ini adalah tidak menggalakkan kerana hampir separuh (48%) daripada mereka tidak setuju. Namun demikian, sebanyak 25 (42%) bersetuju dengan cadangan ini. Beberapa orang dari mereka yang tidak bersetuju telah memberi komen-komen seperti berikut:-

- (i) "sukatan peperiksaan-peperiksaan negara seperti SRP, SPM dan STPM sudah terlalu berat berbanding dengan negara-negara lain".
- (ii) "Sivik membuang masa dan tidak ada nilai ekonomi, oleh sebab itu, tidak ada faedah atau manfaatnya untuk memasukkannya ke dalam sukatan peperiksaan.

- (iii) "saya cadangkan adalah lebih baik jika Sivik digantikan dengan Pendidikan Jasmani atau Jimnastik".

Secara ringkas, percubaan-percubaan yang serius mestilah dijalankan demi untuk menimbulkan minat yang lebih aktif dari kalangan pelajar-pelajar terhadap Sivik. Pemupukan nilai-nilai Sivik harus dilakukan pada awal-awal lagi terutama bila pelajar-pelajar masih berada di bangku sekolah rendah lagi. Melalui pengajaran Sivik, seseorang dapat mempelajari nilai-nilai perhubungan manusia yang baik dan seterusnya, menjalin pertalian mesra dengan mereka dari kaum-kaum lain. Pada pendapat pengkaji, cadangan untuk mewajibkan Sivik dalam sukatan peperiksaan tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi tetapi sebaliknya, mutu pengajaran guru-guru Sivik perlu dibaiki.

5.2.6 Pengetahuan responden-responden tentang simbol-simbol negara dan kerajaan

Berhubung dengan peranan pengajaran Sivik, pengkaji telah menguji pengetahuan para responden mengenai simbol-simbol negara dan kerajaan. Soalan-soalan yang telah ditanya adalah merupakan soalan-soalan buku teks. Diandaikan bahawa kesemua responden akan dapat menjawab semua soalan-soalan itu dengan betul kerana apa yang ditanya adalah sepatutnya apa yang mesti diketahui oleh mereka sebagai warga negara Malaysia.

Soalan yang pertama adalah mengenai bilangan jalur dalam bendera Malaysia. Bendera Malaysia adalah antara simbol-simbol negara yang terpenting. Oleh sebab itu warna, corak serta makna di sebalik reka bentuknya mesti juga diketahui. Soalan mengenai jalur bendera adalah senang kerana bilangannya menandakan ke tiga-tiga belas negeri yang terdapat di Malaysia.

Jadual 5.7 Jumlah responden-responden yang memberi jawapan betul kepada soalan mengenai bilangan jalur dalam Bendera Malaysia

Bilangan jalur dalam Bendera Malaysia	Bilangan responden yang menjawab		
	Melayu	Cina	India
31 jalur	-	-	-
13 jalur	15 (94%)	31 (91%)	10 (100%)
11 jalur	-	2 (6%)	-
12 jalur	-	1 (3%)	-
21 jalur	1 (6%)	-	-
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Keputusan yang diperolehi dari analisis jadual 5.7 adalah tidak menggalakkan. Adalah sungguh menyedihkan dan memalukan bila didapati ada di antara daripada para responden yang memberi jawapan yang salah. Di kalangan mereka yang tidak dapat jawab dengan betul adalah seorang (6%) daripada responden Melayu dan 3 (9%) responden Cina. 100% pula daripada para responden India dapat memberi jawapan betul.

Seterusnya, pengkaji telah menanyakan satu soalan yang berkenaan dengan Parlimen Malaysia. Parlimen Malaysia menandakan simbol pemerintahan demokrasi di negara dalam mana Yang Di Pertuan Agong mengetuai pemerintahan ini. Pengkaji telah menyuruh para responden menamakan tiga komponen utama di dalam Parlimen Malaysia.

Jadual 5.8 Bilangan responden-responden yang memberi jawapan yang betul kepada soalan mengenai tiga komponen utama dalam Parlimen Malaysia

Tiga komponen utama dalam Parlimen Malaysia	Bilangan responden yang menjawab		
	Melayu	Cina	India
Yang Di Pertuan Agong, Dewan Negeri, Dewan Rakyat	4 (25%)	4 (12%)	-
Yang Di Pertuan Agong, Dewan Negara, Dewan Rakyat	10 (63%)	29 (85%)	9 (90%)
Yang Di Pertuan Agong, Dewan Negara, Dewan Negeri	1 (6%)	1 (3%)	-
Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Bandaran	1 (6%)	-	1 (10%)
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Seperti dengan soalan pertama tadi, tidak semua daripada para responden yang memberi jawapan yang betul. Namun demikian, mereka yang telah jawab dengan betul adalah 9 (90%) daripada responden India, 29 (85%) responden Cina dan 10 (63%) Melayu.

Soalan yang akhir adalah mengenai nama Sultan yang menjadi Yang Di Pertuan Agong masakini.

Jadual 5.9 Bilangan responden-responden yang memberi jawapan yang betul kepada soalan mengenai nama Yang di Pertuan Agong

Nama Yang Di Pertuan Agong	Bilangan responden yang menjawab		
	Melayu	Cina	India
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	-	7 (21%)	3 (30%)
Sultan Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar	14 (88%)	15 (44%)	5 (50%)
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Must'ain Billah	1 (6%)	6 (17%)	-
Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah	1 (6%)	2 (6%)	1 (10%)
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	-	4 (12%)	1 (10%)
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Sebanyak 14 (88%) responden Melayu berjaya memberikan nama yang betul berbanding dengan hanya 5 (50%) daripada responden India dan 15 (44%) responden Cina. Ini bermakna hampir separuh daripada responden-responden bukan Melayu tidak dapat memberi jawapan yang betul. Adakah ini satu kes di mana nama Sultan yang menjadi Yang Di Pertuan Agong tidak penting tetapi yang penting adalah orang yang menjadi ketua negara adalah orang yang memakai gelaran Yang Di Pertuan Agong?

Kesimpulan yang didapati daripada analisis pengetahuan responden-responden tentang simbol-simbol negara dan kerajaan mempunyai implikasi kuat ke atas Dasar Pelajaran Negara. Biasanya jawapan-jawapan pada soalan-soalan itu adalah diajar kepada pelajar-pelajar melalui matapelajaran Sivik. Tetapi oleh kerana sistem persekolahan negara adalah terlalu berorientasikan kepada peperiksaan, maka, mata pelajaran-matapelajaran seperti Sivik adalah tidak dianggap penting kerana ia bukan merupakan suatu matapelajaran peperiksaan. Namun demikian, seseorang itu tidak boleh menyalahkan pihak guru Sivik yang tidak terlatih dalam pendidikan matapelajaran ataupun status Sivik sebagai matapelajaran bukan peperiksaan kerana pelajar-pelajar sebagai warganegara-warganegara Malaysia harus mengetahui simbol-simbol negara. Adakah kekurangan pengetahuan ini suatu tanda yang menunjukkan ada di kalangan warganegara Malaysia yang tidak ada minat langsung dalam hal-hal negara?

5.3 Peranan Aktiviti Ko-kurikulum

Mengikut bekas Menteri Pelajaran Malaysia Datuk Abdullah Ahmad

Badwi:

"Sistem Pelajaran sebelum ini terlalu mementingkan kecemerlangan akademik sehingga membuat para pelajar mengabaikan aspek-aspek non-akademik sewaktu melalui proses pembelajaran. Akibatnya, sekolah-sekolah telah melahirkan lulusan-lulusan yang mungkin berilmu tetapi kosong dari segi kesetiaan mereka pada warga negara atau terlalu mementingkan diri sendiri dan mengenyepikan jiran-jiran mereka dalam masyarakat".

(Chamil Wariya, 1985: 4)

Kegiatan di luar bilik darjah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan 'esprit de corps' (kekitaan) di kalangan murid-murid dari berbagai latarbelakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih murid-murid menjadi lebih bertanggung-jawab, berdisplin dan berdikari. Secara ringkasnya, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum ini sebenarnya bertindak sebagai suatu 'framework' untuk 'teamwork, co-operation and racial integration'.

Kementerian Pelajaran telah menyedari tentang pentingnya peranan ko-kurikulum dalam merapatkan pelajar-pelajar berbagai kaum serta memupuk persefahaman dan toleransi di kalangan mereka. Maka, percubaan-percubaan telah dibuat olehnya untuk menggalakkan para pelajar supaya lebih rajin menyertai aktiviti-aktiviti. Kini, semua pelajar-pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis permainan atau olahraga dan juga satu kelab/persatuan.

Kegiatan ko-kurikulum sekolah adalah dibahagikan kepada tiga kumpulan:-

- (i) pasukan pakaian seragam.
- (ii) kelab/persatuan berbentuk matapelajaran atau hobi.
- (iii) sukan.

Terdapat sekurang-kurangnya 30 persatuan-persatuan/kelab-kelab serta aktiviti-aktiviti sukan yang telah disediakan di Sekolah Abdul Samad.

5.3.1 (a) Bilangan penyertaan para responden dalam
aktiviti ko-kurikulum

Jadual 5.10 Jumlah kegiatan ko-kurikulum yang disertai oleh tiap-tiap responden

Jumlah kegiatan ko-kurikulum	Bilangan responden yang menyertai		
	Melayu	Cina	India
1	3 (19%)	1 (3%)	-
2	2 (13%)	10 (29%)	5 (50%)
3	5 (31%)	9 (27%)	4 (40%)
4	6 (37%)	14 (41%)	1 (10%)
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Merujuk kepada jadual 5.10 didapati majoriti daripada responden Melayu iaitu, sebanyak 6 (37%) orang menyertai 4 jenis aktiviti-aktiviti ko-kurikulum diikuti dengan 5 (31%) yang mengambil bahagian dalam 3 jenis. Di kalangan responden-responen Cina pula, sebanyak 14 (41%) orang yang menjadi ahli bagi 4 jenis aktiviti manakala 10 (29%) melibatkan diri mereka dalam 2 aktiviti saja. Terdapat 5 (50%) dari responden-responen India yang menyertai hanya 2 jenis kegiatan ko-kurikulum dan sebanyak 4 (40%) pula yang jadi ahli bagi 3 jenis aktiviti. Dari kesemua responden-responen tiga kaum yang telah ditemuduga, bilangan mereka yang paling banyak mengambil bahagian dalam hanya 1 jenis aktiviti saja ialah responden Melayu iaitu, sebanyak 3 (19%) orang.

(b) Jenis-jenis aktiviti ko-kurikulum yang disertai
oleh para responden

Terdapat suatu gejala tidak sihat berhubung dengan penyertaan para pelajar-pelajar di Malaysia dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di sekolah iaitu, wujudnya persatuan-persatuan atau permainan-permainan di mana keahlian-keahlian mereka seolah-olahnya didominasi oleh satu kaum saja. Misalnya, permainan sepak takraw nampaknya hanya disertai oleh pentuntut-penuntut Melayu saja sementara bola keranjang dan ping-pong pula biasanya disertai oleh penuntut-penuntut Cina.

Tabiat berkelompok mengikut kaum sama ada di sekolah ataupun dalam kegiatan ko-kurikulum harus diberi perhatian serius jika sesebuah sekolah itu berminat untuk menghapuskan polarisasi kaum di kalangan para pelajar.

Merujuk kepada jadual 5.11 didapati kebanyakan daripada responden-responen lebih suka menyertai persatuan atau kelab saja. Ini adalah mungkin kerana kebanyakan daripada kegiatan-kegiatan itu diadakan di sebelah petang lepas sekolah. Antara 60 responden itu, hanya 6 orang saja yang menyertai olahraga. Itupun hanya responden Cina saja yang menyertai.

Persatuan-persatuan yang berunsur ugama lebih memperlihatkan penyertaan ahli-ahli dari kaum-kaum tertentu.

Jadual 5.11 Bilangan penyertaan responden-responden dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang tertentu

Jenis kegiatan-kegiatan ko-kurikulum	Bilangan penyertaan para responden		
	Melayu	Cina	India
<u>Persatuan Pasukan Seragam</u>			
Bulan Sabit Merah	-	2	1
<u>Kelab/Persatuan</u>			
Bahasa Malaysia	7	3	-
Geografi	-	3	2
Persuratan dan Kesenian Bahasa Inggeris	4	-	-
Sejarah	1	1	-
Sivik	5	16	4
Sains dan Matematik	1	5	-
Tingkatan Enam	11	24	7
Kristian	-	9	-
Pelajar-pelajar Islam	10	-	-
Interact	1	5	-
Unit Kerjaya	3	11	3
Catur	-	1	1
Komputer	-	2	1
Lawan Pedang	-	1	-
Murid-murid Perempuan	3	10	2
Hindu	-	-	5
Elektronik	-	4	-
Fotografik	-	1	-
<u>Sukan/Olahraga</u>			
Bola jaring	-	3	-
Renang	-	3	-

Penyertaan yang paling menggalakkan daripada responden-responden tiga kumpulan etnik itu adalah Persatuan Tingkatan Enam dan Persatuan Sivik. Terdapat sebanyak 24 (71%) responden Cina, 7 (70%) India dan 11 (69%) responden Melayu yang menyertai Persatuan Tingkatan Enam manakala dalam Persatuan Sivik pula terdapat penglibatan sebanyak 16 (47%) daripada responden Cina, 5 (40%) Melayu dan hanya 4 (40%) India.

Satu perkara yang mesti diambil perhatian ialah penyertaan ketiga-tiga kaum itu dalam Persatuan Bahasa Malaysia. Sebanyak 7 (44%) daripada responden-responden Melayu yang menjadi ahli persatuan ini berbanding dengan hanya 3 (6%) responden Cina manakala dari kalangan para responden India, tidak ada seorang pun yang menyertainya. Galakan harus diberi untuk menambahkan lagi bilangan ahli-ahli bukan Melayu ke dalam Persatuan Bahasa Malaysia. Aktiviti-aktiviti seperti pertandingan perbahasan, kuiz antara sekolah, membalas pantun tidak saja dapat menambahkan lagi pengetahuan pelajar-pelajar dalam Bahasa Kebangsaan tetapi memperkenalkan mereka kepada unsur-unsur budaya Melayu yang diselitkan di sebalik aktiviti-aktiviti ini.

5.3.2 Aktiviti Ko-kurikulum dan integrasi pelajar-pelajar

Dapatkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum sepertimana yang didakwa oleh Kementerian Pelajaran mengeratkan perhubungan 'interracial' ataupun menjadikan para pelajar lebih menyedari tentang kaum-kaum lain?

Jadual 5.12

Jawapan-jawapan para responden terhadap soalan sama ada aktiviti ko-kurikulum dapat mengintegrasikan pelajar-pelajar berbagai kaum

Peranan aktiviti ko-kurikulum dalam mengintegrasikan pelajar-pelajar	Bilangan responden-responden yang memberi jawapan-jawapan itu		
	Melayu	Cina	India
Ya	15 (94%)	30 (88%)	9 (90%)
Tidak boleh	1 (6%)	3 (9%)	-
Tidak tahu	-	1 (3%)	1 (10%)
Tidak kisah	-	-	-
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Kebanyakan daripada responden-responden setuju bahawa melalui aktiviti ko-kurikulum, mereka dapat mengenali dengan lebih rapatnya kawan-kawan mereka dari kaum-kaum lain. Mereka yang setuju adalah 15 (94%) daripada responden Melayu, 9 (90%) India dan 30 (88%) Cina. Mereka yang tidak bersetuju pula adalah 3 (9%) daripada responden Cina dan seorang (6%) responden Melayu.

Ada beberapa sebab kenapa ada di antara responden-responden yang tidak bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah dapat meluaskan pandangan mereka terhadap kaum-kaum lain. Pengkaji telah memberikan beberapa jawapan pilihan untuk responden-responden itu.

Jadual 5.13 Alasan-alasan yang diberi oleh responden-responden yang tidak setuju akan peranan ko-kurikulum dalam mengintegrasikan pelajar-pelajar berbagai kaum

Jawapan-jawapan	Responden-responden yang tidak setuju	
	Melayu	Cina
Kelab/persatuan jarang ada aktiviti luar sekolah	-	-
Saya tidak merupakan ahli yang aktif	-	-
Saya selalu mendampingi ahli-ahli dari kaum-kaum lain	1 (100%)	2 (67%)
Pandangan saya terhadap kaum-kaum lain tidak akan berubah	-	1 (33%)
	1 (100%)	3 (100%)

100% daripada responden Melayu manakala 2 (67%) responden Cina dari mereka yang tidak setuju tentang peranan aktiviti ko-kurikulum dalam integrasi pelajar-pelajar berbagai kaum, mengatakan bahawa mereka selalu mendampingi ahli-ahli dari kaum lain dan oleh sebab itu tidak dapat mengenali kaum-kaum lain dengan lebih rapat. 1 (33%) responden Cina yang tidak setuju memberi alasan bahawa pandangannya terhadap kaum-kaum lain tidak pula akan berubah walaupun ada bergaul dengan mereka.

5.3.3 Jenis aktiviti-aktiviti persatuan/kelab yang jelas menunjukkan kerjasama antara mereka dari kaum-kaum lain

Pengkaji telah menyuruh para responden menyenaraikan aktiviti-aktiviti ini supaya dapat lihat setakat manakah apa yang dilakukan oleh persatuan/kelab boleh dapat mewujudkan kerjasama antara ahli-ahli berbagai kaum.

Merujuk kepada jadual 5.14, didapati masa-masa di mana sering terdapat kerjasama 'interracial' adalah apabila berlakunya sesuatu pertandingan atau permainan. Kerjasama tidak semestinya wujud di saat-saat sesuatu pertandingan/perlawanan itu berlaku tetapi juga di masa-masa sebelum itu berlaku di mana koperasi diperlukan dalam sebarang latihan/persediaan untuk menghadapi hari pertandingan sebenar.

Adakah kerjasama yang wujud itu mencerminkan integrasi berlaku di kalangan pelajar-pelajar berbagai kaum? Pada hakikatnya, integrasi itu adalah pada hiasan saja. Sebenarnya, 'esprit de corps' sementara hanya terdapat pada saat-saat pertandingan/perlawanan berlaku saja kerana masing-masing mahu pasukan mereka menang. Akan tetapi selepas habisnya kerja/tamatnya sesuatu pertandingan, masing-masing tetap menyedari bahawa mereka sangat berbeza dari segi ras.

Jadual 5.14 Jenis aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh persatuan/kelab yang jelas menunjukkan koperasi di antara ahli-ahli pelbagai kaum

Nama persatuan/kelab	Aktiviti-aktiviti
Bahasa Malaysia	perbahasan, perlawanan bolasepak antara sekolah
Bulan Sabit Merah	kutip derma untuk mangsa-mangsa kebuluran Afrika
Elektronik	pameran alat-alat elektronik antara sekolah
Fotografik	mengambil gambar-gambar untuk majallah sekolah
Geografi	kuiz antara sekolah
Interact	kempen menderma darah, mengecat tandas sekolah
Lawan pedang	pertandingan lawan pedang
Renang	pertandingan renang antara sekolah
Kebudayaan dan Seni	persembahan Hari Guru
Sivik	menghias kawasan sekolah di masa Hari Guru, menyediakan minuman berkhasiat untuk murid-murid miskin
Tingkatan Enam	membersih kawasan sekolah
Unit Kerjaya	gotong-royong, mengecat pagar-pagar sekolah

5.4 Pilihan nasional atau identiti etnik para responden

Untuk melihat sejauhmanakah identifikasi seseorang responden sebagai warganegara Malaysia, pengkaji telah menanyakan sama ada mereka lebih suka dikenali sebagai warganegara Malaysia ataupun panggilan-panggilan etnik lain jika mereka diberi pilihan.

Jadual 5.15 Panggilan-panggilan yang lebih suka dipakai oleh para responden apabila mereka diberi peluang untuk pilih

Panggilan-panggilan yang lebih suka dipakai	Pembahagian responden mengikut kaum		
	Melayu	Cina	India
Melayu	5 (31%)	-	-
Cina	-	8 (24%)	-
India	-	-	1 (10%)
Kaum-kaum lain	-	-	-
Warganegara Malaysia	11 (69%)	26 (76%)	9 (90%)
	16 (100%)	34 (100%)	10 (100%)

Merujuk kepada jadual di atas, didapati masih terdapat di kalangan mereka yang lebih suka dikenali mengikut identiti etnik mereka daripada warganegara Malaysia. Mereka dalam golongan ini adalah 5 (31%) daripada responden Melayu, 8 (24%) responden Cina dan 1 (10%) responden India. Walaupun majoriti daripada responden-responen lebih suka dikenali sebagai warganegara Malaysia, namun, selagi ada di antara

mereka yang masih lebih suka mengidentifikasikan sebagai orang Melayu, Cina atau India jika diberi pilihan. Maka, proses ke arah mengintegrasikan pelajar-pelajar melalui sistem pelajaran kebangsaan akan bertambah rumit.

Universiti Malaya

BAB VI

KESIMPULAN

Dalam sebuah negara berbilang etnik seperti Malaysia, pendidikan sudah tentu dapat memainkan peranan lebih berkesan sebagai alat untuk memupuk perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat. Malangnya, setelah hampir 30 tahun Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan, masalah perhubungan etnik di peringkat sekolah adalah tidak menggalakkan.

Misalnya, daripada kajian yang dibuat, pengkaji telah mendapati bahawa kebanyakan daripada responden-responden Melayu dan Cina jarang berinteraksi dengan kaum-kaum lain. Ini bermakna daripada analisis kegiatan 'interracial', kekerapan mereka berinteraksi adalah 3 bulan 1 kali ataupun dalam setengah-tengah kes, langsung tidak pernah. Faktor-faktor seperti ciri-ciri latarbelakang dan ekonomi mungkin merupakan sebab-sebab keadaan sebegini, namun demikian, dalam kajian ini, mereka tidak dibincang dengan mendalamnya. Sebaliknya, persoalan mengenai kemampuan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam mencapai matlamat mengintegrasikan pelajar-pelajar berbagai kaum telah dibincang.

Isu kelemahan-kelemahan Dasar Pelajaran Kebangsaan sering ditimbulkan dalam seminar-seminar berhubung dengan pelajaran. Ini adalah kerana perjumpaan-perjumpaan yang didapati dari beberapa kajian yang telah dilakukan menunjukkan polarisasi kaum masih merebak di sekolah-sekolah. Didapati juga suatu kecenderungan di kalangan pelajar-pelajar untuk berkelompok bersama dan menjalankan kegiatan-kegiatan di sekolah

dengan anggota daripada kumpulan kaumnya saja.

Dalam bab ini, kelemahan-kelemahan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan akan dibincang secara sepintas lalu dan beberapa cadangan akan diberi untuk memperbaiki situasi yang ada kini.

6.1 Bahasa Malaysia

Terdapat kurangnya penegasan atas kepentingan dan penggunaan Bahasa Malaysia terutama di kalangan pelajar-pelajar Cina. Latar-belakang pelajar-pelajar Cina seperti cara dalam mana mereka disosialisasikan dan sikap ibubapa adalah antara daripada sebab-sebab kenapa mereka tidak sering menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi. Kecuali inisiatif pelajar-pelajar Cina, jarang ada galakan dari ibubapa mereka untuk menguasai Bahasa Malaysia. Kefasihan dalam Bahasa Kebangsaan hanya boleh dicapai jika ada penyambungan yang berterusterusan (consistent) dari pembelajaran bahasa ini di dalam bilik darjah dengan penggunaannya di luar kelas.

Pada pendapat pengkaji, cara yang paling baik dalam menyelesaikan masalah ketidakfasihan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu adalah mewajibkan penggunaan bahasa ini dalam pertuturan harian pelajar-pelajar di sekolah. Ia bukan saja dapat mengukuhkan lagi pembelajaran Bahasa Malaysia pelajar-pelajar di kelas, bahkan dapat membetulkan lagi kesilapan-kesilapan mereka semasa pertuturan. Kesan baik yang lain ialah mengurangkan kecenderungan seseorang pelajar bukan Melayu untuk berdampingan dengan mereka yang sekaum dengannya. Pertuturan dalam Bahasa Malaysia boleh juga diperbaiki lagi melalui lakunan-

lakunan drama sekolah ataupun perdebatan.

Sikap guru perlu juga diambilkira. Pendidikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu pengetahuan, bahasa perhubungan utama dan bahasa perpaduan hendaklah dijelaskan dengan lebih terperinci supaya guru-guru mendapat panduan yang tegas dan tepat dalam pengajaran mereka tiap-tiap hari.

6.2 Pendidikan Sivik

Taraf pendidikan Sivik sebagai satu matapelajaran bukan peperiksaan dan cara pengajaran guru adalah sebab-sebab utama kenapa Sivik sering dipandang lewa saja di kalangan pelajar-pelajar. Daripada analisis bahagian 5.1. (B) dalam Bab 5, didapati kurangnya pengetahuan simbol-simbol negara dan kerajaan di setengah-tengah pelajar sebenarnya mencerminkan kekurangan perhatian yang serius dari pihak pelajar-pelajar sendiri, guru-guru dan ibubapa-ibubapa terhadap matapelajaran Sivik. Melalui pendidikan Siviklah, kebanyakan dari informasi-informasi mengenai kerajaan dan simbol-simbol negara disalurkan.

Pelajar-pelajar telah memberi beberapa cadangan untuk menarikkan lagi cara pengajaran guru-guru Sivik. Antara cadangan-cadangan yang pengkaji anggap boleh mewujudkan minat pelajar-pelajar terhadap Sivik adalah seperti proposi untuk mengadakan projek-projek luar bilik darjah, kuiz-kuiz antara kelas dan diskusi-diskusi terbuka.

Projek-projek luar bilik darjah juga akan memberikan suatu nilai praktikal kepada Sivik yang selama ini pelajar-pelajar telah mempelajarinya di bawah 'artificial conditions'.

Sebenarnya sikap guru adalah sangat penting dalam menimbulkan minat ingin belajar daripada murid-murid sekolah terhadap matapelajaran tertentu. Seseorang guru yang mempunyai sikap yang positif iaitu kreatif, rajin dan bertanggungjawab sekurang-kurangnya dapat menimbulkan minat daripada seseorang pelajar walaupun dalam jangka masa yang pendek. Daya penumpuan seseorang pelajar biasanya tidak lama kerana gangguan-gangguan dalaman dan luaran diri pelajar. Sekiranya seseorang guru dapat membentuk suasana pembelajaran yang menarik maka, daya penumpuan pelajar akan kemungkinannya dapat diperpanjangkan lagi. Oleh kerana Sivik adalah merupakan suatu matapelajaran yang penting maka, usaha-usaha perlu diadakan untuk memastikan bahawa hanya guru-guru yang telah diberi latihan khas dalam pendidikan Sivik diambil sebagai guru-guru Sivik.

Mewajibkan Sivik dalam sukatan pelajaran peperiksaan adalah tidak merupakan langkah yang baik untuk mengurangkan sikap-sikap negatif pelajar-pelajar terhadap matapelajaran. Ini adalah kerana sukatan peperiksaan sekolah-sekolah di Malaysia adalah sudah cukup berat berbanding dengan negara-negara lain.

6.3 Aktiviti Ko-kurikulum

Partisipasi pelajar-pelajar didapati agak menggalakkan di SAS. Penglibatan pelajar-pelajar dalam kegiatan ko-kurikulum adalah penting untuk pembentukan peribadi ini adalah merupakan elemen yang terpenting dalam usaha pembelajaran kerana ia meliputi segala aspek termasuk kehidupan. Misalnya, jika seseorang membabitkan diri dalam badan-badan pakaian seragam seperti Persatuan Bulan Sabit Merah, dia bukan saja

dapat membantu orang ramai di masa-masa kecemasan bahkan dapat menyemai-kan semangat perpaduan dan muhibah. Memandangkan aktiviti sedemikian memerlukan hubungan yang erat sesama ahli.

Walaupun partisipasi responden-responden dalam kegiatan ko-kurikulum adalah menggalakkan di SAS, namun, apa yang dikesalkan ialah kecenderungan untuk mendapat dominasi keahlian dari satu kaum tertentu dalam setengah-tengah persatuan. Misalnya, dalam Persatuan Bahasa Malaysia terdapat lebih banyak pelajar Melayu yang menjadi ahli berbanding dengan pelajar-pelajar dari kaum lain. Manakala pelajar-pelajar Cina lebih cenderung memasuki Kelab Komputer, Persatuan Sains dan Matematik serta Olahraga daripada pelajar-pelajar Melayu. Keadaan ini mestilah disedari oleh pihak guru yang mengendalikan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum itu, supaya sesuatu boleh dilakukan sebelum persatuan-persatuan itu dilabelkan sebagai persatuan-persatuan kaum-kaum tertentu. Ini akan mengelakkan dari halangan pelajar-pelajar Melayu yang benar-benar berminat untuk menjadi ahli Persatuan Sains dan Matematik.

Banyak daripada pelajar-pelajar tidak tahu tujuan di sebalik aktiviti-aktiviti ko-kurikulum diadakan terutamanya sukan. Bagi setengah mereka, bersukan hanyalah untuk mencari kemenangan; walhal melalui sukan juga, seseorang dapat memupuk semangat kerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain. Oleh sebab jenis aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan misalnya projek-projek luar sekolah mestilah selaras dengan ideologi utama dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan. Aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong dalam kempen-kempen kebersihan sekolah dan khidmat kebajikan umum jika diamalkan

secara ikhlas dan jujur akan dapat melahirkan kerjasama dan integrasi di kalangan ahli-ahli yang berbagai kaum.

Untuk mengintegrasikan masyarakat berbilang kaum bukanlah suatu proses yang senang. Ia bukan saja memakan masa yang panjang dan melibatkan perancangan yang teliti bahkan memerlukan tolak-ansur daripada semua pihak. Kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam mencapai matlamat banyak bergantung kepada usaha-usaha yang dijalankan kini dalam melaksanakan dasar ini. Untuk mempercepatkan proses integrasi di kalangan pelajar-pelajar, Dasar Pelajaran Kebangsaan mestilah sentiasa dikemaskini berdasarkan matlamat balas yang didapati daripada hasil perlaksanaan sesuatu projek perancangan supaya sebarang kelemahan-kelemahannya dapat diperbaiki.

BIBLIOGRAFI

A. BUKU-BUKU

1. Banton, M. Race Relations, Tavistock Publications:
1967 London.
2. Berry, B. Race and Ethnic Relations, Houghton And
1965 Mifflin Company: Boston.
3. Black, J.A. Methods And Issues In Social Research,
Champion, D.J. John Wiley And Sons.
1976
4. Getzels, J.W. "The Classroom Group As A Unique Social
Thesen, H.A. System", Social Interaction In Educational
1971 Settings, Albert H. Yee (Ed), Prentice Hall:
New Jersey.
5. Kinloch, G. The Dynamics Of Race Relations: A Sociological
1974 Analysis, McGraw Hill: New York.
6. King, R. Education, Longmans: London.
1971
7. Laska, J.A. Schooling And Education: Basic Concepts And
1976 Problems, D. Van Nostrand Company.
8. Kerajaan Malaysia Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan
1979 Dasar Pelajaran (7th November, 1979), Kementerian
Pelajaran Malaysia: Kuala Lumpur.
9. McBeath, G. Political Integration Of The Philippine Chinese,
1973 University California: Berkeley.
10. Montagu, A. The Concept Of Race, Free Press Of Glencoe:
1964 London.
11. Morrison, A. School And Socialization, Penguin Education Book:
McIntyre, D. Middlesex.
1971
12. Nagata, J. Malaysian Mosaic, University Of British Columbia.
1973 Press: Vancouver.

13. Park, E.R.
1950 Race And Culture, Free Press Of Glencoe:
Illinois.
14. Peters, R.S.
1970 The Concept Of Education, London: Routledge
And Keagan Paul: New York.
15. Rabushka, A.
1973 Race And Politics In Urban Malaya, Hoover
University Press, Standford University:
California.
16. _____
1973 Mid. Term Review Of The Rancangan Malaysia
Kedua (1971 - 1975), Government Press:
Kuala Lumpur.
17. _____
1976 Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980),
Jabatan Penerbitan Negara: Kuala Lumpur.
18. _____
1981 Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985),
Jabatan Penerbitan Negara: Kuala Lumpur.
19. _____
1986 Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990),
Jabatan Penerbitan Negara: Kuala Lumpur.
20. Simpson, E.G.
Yinger, H.
1953 Racial And Cultural Minorities: An Analysis
Of Prejudice And Discrimination, 4th Edition,
Harper And Row: New York/Evanston/San Francisco/
London.
21. Van den Berghe, P.
1967 Race And Racism: A Comparative Perspective,
John Wiley And Sons Inc: New York.

B. JURNAL, MAJALAH DAN AKHBAR

1. Abdul Rahman b.
Haji Arshad, Dato'
10hb - 14hb Jun,
1978 "Dasar Dan Strategi Pelajaran Di Malaysia",
Seminar Pemimpin-Pemimpin Belia Negeri Johor:
Mersing.
2. Aziz b. Mohd Tom
1981 "Pelajaran Dan Politik Anak Melaka 1946 - 1951",
Bengkel Kepimpinan Dan Pengajian Kebudayaan,
Air Keroh: Melaka.

3. Khoo Kay Khim
12hb. Sept 1980
"Integration In Society Through Education",
Persidangan Tahunan Pengetua-Pengetua
Sekolah-Sekolah Methodist Malaysia: Kuala-
Lumpur.
4. Awang Had Salleh, Dr.
1976
"Education And National Unity In Malaysia",
Negara No.3 1979, Jabatan Perdana Menteri:
Malaysia.
5. Lever, H.
1979
"Education And Ethnic Attitudes In South
Africa", Sociology And Social Research,
October 1979: University Of South California.
6. Smith, M.G.
1982
"Ethnicity And Ethnic Groups In America:
The View From Harvard", Ethnic And Race
Studies, Vol.5 1982: Yale University.
7. _____
1974
"A Short History Of The School", Majallah
Sri Samad Vol.1, No.9 1974, Sekolah Menengah
Sultan Abdul Samad: Petaling Jaya.
8. Ahmad Abdul Hamid
1986
"Perpaduan Kaum Tidak Lebih Dari Hanya
Hiasan?", Utusan Malaysia, 18hb Julai 1986,
hlm.8
9. Chamil Wariya
1986
"Adakah Benar Perpaduan Kini Yang Wujud Hanya
Palsu?", Utusan Malaysia, 15hb Julai 1986,
hlm.8
10. Chiang Siew Lee
1983
"School And Community: A Long Way To Integration",
New Strait Times, 29th Sept. 1983, p: 20
11. Habit Mustaffa Daud
1986
"Mencapai Perpaduan Rakyat Melalui Dasar
Pelajaran Kita", Berita Harian, 17hb Mei 1986,
hlm.8
12. Kamarudin Hj. Kachar
1984
"Dasar Pendidikan Kebangsaan Menuju Perpaduan
Kaum", Berita Harian, 9hb Sept. 1984, hlm.8
13. _____
1984
"History To Be Given Priority In Schools",
New Strait Times, 23rd Sept. 1984, p: 1

14. _____ "Dasar Pelajaran DiKaji Semula", Berita
1986 Harian, 12hb Sept. 1986, hlm.1

C. TESIS DAN DISSERTASI

1. Charles, B.J. "Education And Nation-Building In Malaysia: A Study Of Institutional Effect In Thirty Four Secondary Schools", PhD. Dissertation: School Of Education, University Stanford (Diterbitkan).
2. Ibrahim b. Saad "The Impact Of National Medium Schools Of Attitudes Related To National Integration In Peninsular Malaysia", PhD. Thesis: Educational Policy Studies, University Of Wisconsin, Madison (Diterbitkan).
3. Raymond Lee "A Study Of Interaction And Integration Among Some Malay And Chinese Students", MA Thesis: University Malaya (Tidak Diterbitkan).